


Jilid I
Bil. 39



Hari Isnin
1hb Disember, 1986

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5429]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAN MESYUARAT
[Ruangan 5462]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1987

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B.54 [Ruangan 5466]

Maksud B.55 [Ruangan 5500]

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan 1987

Jawatankuasa—

Maksud P.54 [Ruangan 5466]

Maksud P.55 [Ruangan 5500]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P.(Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Penerangan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K., (Kota Baharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pertahanan, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).

„ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).

„ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).

„ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).

„ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).

„ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).

„ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).

Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).

Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

„ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMED YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR Sm ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN, P.I.S., A.M.N. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN Yow, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFERY (Silam).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN (Tapah).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATU ABDUL HAMID BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Limbawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).

Yang Berhormat TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N.,
B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubuk Antu).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak
Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasar Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAILA MANSOR BIN SAID, s.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGU *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGU,
P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH AGUNDONG (Padang).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N.,
A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).

Yang Berhormat TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

- .. TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- .. TUAN LEL LAM THYE (Bukit Bintang).
- .. DRLEO MICHEAL TOYAD (Mukah).
- .. DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- .. TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- .. DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- .. TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- .. TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- .. TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- .. TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., **P.I.S.** (Kuala Kerai).
- .. TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- .. DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.U., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- .. TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- .. TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- .. TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, **J.P.** (Tasek Gelugor).
- .. DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- .. TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- .. TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).

Yang Berhormat TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).

„ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).

„ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).

* DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.U., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).

„ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

„ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).

„ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).

„ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).

„ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

„ TUAN JOE OJIHI BIN SUPIRING (Marudu).

„ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).

„ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

„ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

„ TUAN P. PATTO (Ipoh).

„ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).

„ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).

„ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).

„ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).

„ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).

„ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).

„ PUAN HAJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).

„ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

„ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).

„ DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).

„ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).

„ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).

„ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

„ TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).

„ DR TAN SENG GIAW (Kepong).

„ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).

„ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

„ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SHNG SENG (Sibu).

Yang Berhormat TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

„ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

„ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).

„ TUAN YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

„ PUAN ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

„ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).

„ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).

„ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P., J.M.N.
S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen;

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Isnin, 1hb Disember, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

MARDEC—PASARAN

1. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan selama ini sejauh manakah MARDEC dan agensi-agensi atau badan-badan lain yang seumpamanya (Kerajaan dan swasta) telah berjaya mencari dan mengikat kontrak bagi pasaran getah di luar negeri.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, MARDEC (Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia) ialah sebuah Perbadanan Kerajaan yang ditubuhkan dalam tahun 1970 untuk menyediakan ruang pasaran bagi getah pekebun-pekebun kecil dengan memproses getah mereka dalam bentuk SMR dan Latex dan memasarkan ke luar negeri. Pada masa ini MARDEC telah mengadakan kontrak dan mengeksport getahnya ke 69 buah negara di dunia dan diperdagangkan dalam bentuk perjanjian jangka panjang. MARDEC telah berjaya meluaskan ruang

pasarannya ke Amerika Selatan, Eropah Timur, Asia Barat, Negeri China (RRC), Korea Selatan, India, Bangladesh, Pakistan dan Australia selain dari terus mempertahankan pasaran tradisinya di Eropah Barat, Jepun dan Amerika Syarikat. Jumlah penjualannya telah bertambah dari 12,000 metrik tan pada tahun 1972 kepada 138,059 metrik tan pada tahun 1985 dan 150,000 metrik tan bagi Januari-September tahun ini.

Selain daripada MARDEC, FELDA juga terlibat dengan perdagangan ke luar negeri bagi getah-getah yang dikeluarkan oleh peneroka-peneroka. FELDA telah membuat kontrak dan mengeksport getahnya ke lebih 30 buah negara. Di pihak swasta, pengeksport-pengeksport getah yang berdaftar dengan Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia (MRELB) juga berjaya mengadakan kontrak masing-masing dengan negara-negara pengimport sama ada kontrak jangka pendek ataupun jangka panjang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, baru-baru ini keadaan harga getah telah menunjukkan pemulihannya di mana ia telah meningkat dari 180 sen sekilo dalam bulan Januari tahun ini kepada kira-kira 220 sen sektlo sekarang. Ini adalah disebabkan oleh keteguhan kedudukan faktor-faktor utama khususnya keadaan bekalan dan permintaan dalam pasaran getah dunia. Keadaan ini adalah merupakan satu petanda baik bagi galakan pasaran eksport getah Malaysia.

Dari masa ke semasa beberapa misi perdagangan getah Malaysia diadakan bertujuan untuk memperbaharui hubungan dengan wakil-wakil pengguna dalam pasaran tradisional bagi memperkukuhkan syer pasaran serta memperluaskan lagi hubungan perdagangan di pasaran-pasaran baru yang berpotensi. Usaha-usaha ini akan menentukan eksport getah Malaysia mendapat harga yang lebih baik dan di paras premium serta ruang pasaran yang sentiasa terjamin dan terpelihara memandangkan mutu getah Malaysia terus ditingkatkan bagi memenuhi keperluan pengguna-pengguna.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada mengatakan bahawa sebanyak 60 buah negara luar telah mengikat kontrak dengan MARDEC. Saya ingin tahu di sini, di antara negara luar tadi sama ada negeri di Timur Jauh, di Eropah Barat atau Timur atau Amerika, negeri manakah yang paling banyak mengimport getah-getah kita?

Kedua, setakat ini berapa banyakkah jumlah kilang-kilang yang dibina oleh MARDEC di negara kita ini dan adakah kilang-kilang yang ada ini berkeupayaan untuk memenuhi kehendak permintaan?

Ketiga, adakah Kementerian yang berkenaan akan menambah lagi bilangan kilang-kilang ini?

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, mengikut fakta-fakta yang ada pada saya negara-negara yang terbanyak sekali mengimport getah asli daripada negara kita ialah Amerika Syarikat, Jepun dan Korea.

Untuk menjawab soalan kedua, sekarang ini terdapat 15 kilang-kilang kepunyaan MARDEC di seluruh negara. Buat sekarang saya difahamkan bahawa kilang-kilang

tersebut berupaya menampung keperluan mengilang getah-getah yang dikeluarkan oleh pekebun-pekebun kecil. Walau bagaimanapun, jika terdapat keperluan di mana-mana tempat, insya Allah, ini kita akan timbangkan.

PELAJARAN MUZIK

2. Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membatalkan pelajaran muzik dan tari menari dari KBSR.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk membatalkan pendidikan muzik dari KBSR kerana sebenarnya program tersebut:

- (i) berteraskan nyanyian yang bertujuan untuk mengukuhkan kemahiran membaca, menulis dan mengira;
- (ii) dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang menggem-birakan murid-murid;
- (iii) dapat membangkitkan dan mengasah bakat memperluaskan daya kreativiti, memupuk kesihatan mental dan memperkembangkan emosi bagi melahirkan individu yang seimbang dan menyeluruh; dan
- (iv) dapat menyerapkan unsur-unsur kewarganegaraan dan nilai-nilai moral yang tinggi melalui lagu-lagu patriotik.

Tuan Yang di-Pertua, pelajaran tari-menari tidak ada dalam KBSR. Oleh kerana itu soal membatalkannya tidak timbul.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, kita ada seorang Menteri dan dua orang Timbalan Menteri Pelajaran. Kenapa ketiga-tiganya tidak ada di sini untuk jawab soalan

mengenai pelajaran? Adakah mereka tidak menganggap Parlimen penting dan mustahak? Itulah soalan saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Soalan itu terkeluar, tidak perlu dijawab,

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi ini berkaitan dengan kemuliaan, dignity Parlimen.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi penjelasan kepada Dewan yang mulia ini. Mungkin Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tidak mengetahui bahawa hari ini ada dua Dewan yang bersidang, bukan sahaja Dewan Rakyat bahkan Dewan Negara juga bersidang (*Tepuk*), dan mengikut Peraturan Mesyuarat, sebagaimana Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sedia maklum, mana-mana Menteri boleh menjawab bagi pihak mana-mana Kementerian.

Tuan Lim Kit Siang: Ada tiga orang, bukan tiga Dewan atau empat Dewan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sepanjang pelajaran muzik dijalankan dalam tempoh KBSR dilaksanakan, apakah kesan-kesan baik yang dapat kita lihat hasil daripada pelaksanaan pelajaran muzik ini?

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir soalan ini telah pun dijawab apabila saya menjawab soalan yang asal tadi kerana melalui muzik, sebagaimana yang telah saya terangkan, dapat kita menjayakan berbagai faktor-faktor seperti yang telah saya sebutkan—empat faktor tadi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Ting Chek Ming.

(Soalan No. 3 Y. B. Tuan Ting Chek Ming tidak hadir)

PROGRAM LATIHAN TENAGA MANUSIA

4. Tuan Abdul Ghani bin Othman minta Perdana Menteri menyatakan bagaimana Kerajaan merancang latihan tenaga manusia di negara ini dengan keperluan ekonomi menurut sektor dan industri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdul Ajib bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, dalam merancang program latihan tenaga manusia di negara ini, Kerajaan telah memberi perhatian khusus kepada keperluan ekonomi di peringkat sektor dan industri. Pertumbuhan ekonomi yang dijangkakan mengikut sektor adalah merupakan asas yang digunakan di dalam membuat anjuran keperluan tenaga manusia mengikut jenis-jenis pekerjaan. Berasaskan anjuran ini, jumlah tenaga manusia dan jenis-jenis kemahiran dikenalpasti dan dijadikan panduan dalam merancang program latihan tenaga manusia di negara ini bagi memenuhi keperluan pertumbuhan ekonomi negara. Keperluan agensi-agensi dan maklumat-maklumat pasaran buruh adalah juga diambil kira dalam membuat anjuran jenis kemahiran yang diperlukan. Di samping itu dasar-dasar dan matlamat-matlamat Kerajaan seperti Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pertanian Negara dan Pelan Induk Perindustrian juga dijadikan panduan kepada perancangan program latihan di negara ini.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Apakah objektif keseluruhannya dalam perancangan tenaga manusia ini?

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, objektif keseluruhannya ialah untuk menyediakan tenaga-tenaga manusia bagi keperluan pembangunan negara keseluruhannya.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bagaimana dasar tenaga manusia negara ini, sama ada dasar yang telah dirumuskan ini dapat memenuhi kehendak-kehendak di bawah Rancangan Malaysia Kelima?

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Mengikut perangkaan Kerajaan dan perangkaan yang dikumpulkan, matlamat-matlamat yang telah ditetapkan nampaknya dapat dicapai pada masa-masa yang lalu dan pada pandangan Kerajaan, tinjauan-tinjauan Kerajaan tidak menjadi masalah bagi Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Haji Basri bin Bajuri: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada pihak Kerajaan memikirkan bahawa sekolah-sekolah yang dapat mengeluarkan tenaga mahir atau separuh mahir dalam bidang pertanian dan vokasional pada masa ini telah mencukupi bagi menyediakan tenaga-tenaga kerja dalam bidang tersebut?

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya Kerajaan masih belum berpuas hati lagi dengan keupayaan Pusat-pusat Latihan Vokasional yang ada di dalam negara kita ini, sebab itulah penekanan-penekanan akan diberikan untuk memperluaskan peluang-peluang latihan di dalam Pusat-pusat ini pada masa yang akan datang.

DASAR KERAJAAN— PELAKSANAAN

5. Tuan Othman bin Abdul minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa semakin ramai rakyat mempersoalkan ketidakadilan (seperti yang dikatakan oleh mereka) mengenai beberapa dasar Kerajaan terutama DEB dan Dasar Pelajaran.

Mengapakah perkara ini timbul dan apakah tindakan Kerajaan bagi menghapuskan keraguan ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Siti Zahara binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar ramai rakyat negara ini sekarang mempersoalkan beberapa dasar seperti Dasar Pelajaran dan Dasar Ekonomi Baru. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sekali-kali tidak menganggap semua persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh berbagai golongan rakyat itu sebagai tidak baik. Mungkin segelintir sahaja daripada mereka yang menimbulkan persoalan-persoalan itu berniat tidak baik terhadap Kerajaan yang memerintah hari ini.

Pada hemat Kerajaan, antara faktor-faktor yang menimbulkan persoalan-persoalan itu adalah seperti berikut;

- (i) pihak Kerajaan sendiri memang berhasrat memperbaiki lagi kandungan dan pelaksanaan dasar-dasar tertentu, seperti DEB dan Dasar Pelajaran dan dari itu, rakyat memang diharap berpeluang menyoal dan memberi pendapat mereka;
- (ii) salah anggapan dan fahaman di kalangan setengah golongan terhadap isi dan cara pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan dan ini menyebabkan mereka mempertikaikannya bagi tujuan mencari kefahaman yang betul;
- (iii) terdapat golongan dan pihak-pihak tertentu yang memang tidak puas hati dengan kesan dasar-dasar terhadap mereka dan mereka cuba menimbulkan ketidakpuasan hati mereka bagi mendapat perhatian; dan
- (iv) terdapat golongan yang memang bertujuan mencari kesalahan Kerajaan dan mempersoal dasar-dasar tertentu dengan tujuan

menunjukkan kepada masyarakat bahawa merekalah yang lebih arif dan betul.

Melihat kepada keempat kategori punca timbulnya persoalan-persoalan ini, golongan keempatlah yang patut kita semua atasi bersama, demi memelihara keharmonian dan keutuhan perpaduan rakyat negara ini. Di pihak Kerajaan, dalam melaksanakan sebarang dasar, seperti Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pelajaran, Kerajaan tentulah tidak dapat memenuhi hasrat setiap golongan rakyat kerana setiap rakyat mempunyai hasrat yang berbeza-beza. Setiap dasar yang dirumus dan dilaksanakan oleh Kerajaan adalah untuk kebaikan rakyat secara keseluruhannya dan Kerajaan berpuas hati sekiranya sebahagian besar rakyat menerima sesuatu dasar yang telah dirumus dan dilaksanakan oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun, untuk terus mengatasi persoalan-persoalan yang ditimbulkan, Kerajaan sentiasa mengawasi pelaksanaan dasar yang telah diterima dan sentiasa mengadakan rundingan-rundingan dengan berbagai pihak yang sesuai.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi, beliau mengatakan bahawa golongan yang membangkitkan masalah dasar Kerajaan ialah terdiri daripada golongan-golongan yang tidak berpuashati dengan Kerajaan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sama ada golongan yang membangkitkan masalah dasar ini golongan yang faham mengenai dasar ataupun golongan yang tidak mahu faham mengenai dasar. Adakah Yang Berhormat pernah memanggil golongan ini untuk memberi penjelasan? Jika sekiranya pernah memanggil, apakah keadaannya dan jika Yang Berhormat belum pernah memanggil, adakah Yang Berhormat bercadang untuk

memanggil golongan ini untuk memberi penerangan mengenai dasar-dasar Kerajaan sekarang?

Dr Siti Zahara binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, golongan yang membangkitkan persoalan-persoalan itu sudah semestinyalah terkandung daripada golongan yang memahami ataupun tidak memahami dasar ini. Walau bagaimanapun, untuk tujuan masalah seperti yang dikatakan, Kerajaan sentiasa memberi peluang kepada mereka untuk membangkitkan perkara-perkara ini dengan mengadakan rundingan-rundingan seperti yang telah saya katakan tadi.

Tuan Chian Heng Kai: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini bahawa MCA dan Gerakan yang ada dalam Barisan Nasional juga bersama DAP menentang Dasar Pelajaran? Jika ya, sama ada Kerajaan akan mengkaji dan meninjaunya sekali lagi?

Dr Siti Zahara binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, semua yang diputuskan oleh Kerajaan adalah melalui Kabinet dan sudah semestinyalah apabila sesuatu dasar itu hendak dilaksanakan, ini adalah keputusan daripada Kabinet yang mengandungi daripada wakil-wakil parti komponen itu sendiri.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu kita, sejak Dasar Ekonomi Baru ini diwujudkan, lebih kurang 16 tahun, sama ada rakyat Malaysia yang bukan bumiputera telah mendapat manfaat dan faedah daripada Dasar Ekonomi Baru ini dan mengapakah persoalan ketidakadilan ini ditimbulkan sekarang, khususnya menjelang pilihanraya yang lepas, dan adakah Kerajaan bercadang untuk menentukan tidak sesiapa lagi khususnya mereka yang ada dalam

Kerajaan tidak menimbulkan lagi masalah-masalah yang diketahui umum ini?

Dr Siti Zabara binti Haji Sulaiman:

Tuan Yang di-Pertua, daripada angka-angka dari RML sudah jelas menunjukkan bahawa rakyat di kalangan bukan bumiputera sudah tentu mendapat manfaat dan faedah daripada Dasar Ekonomi Baru ini dan dikatakan mengapa soal ketidakadilan kerap ditimbulkan oleh berbagai pihak terutamanya semasa pilihanraya. Tadi telah saya katakan bahawa ada berbagai golongan yang kerap menimbulkan perkara ini dengan hasrat yang tersembunyi dan ini tidaklah payah saya bangkitkan di sini.

INDUSTRI KECIL KAWASAN

6. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan setakat ini berapa banyakkah kawasan industri kecil yang disediakan dan adakah Kerajaan bercadang mewujudkan kawasan industri di tiap-tiap daerah dan bagaimanakah kemajuan yang telah dapat dicapai.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali**): Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar bagi saya untuk menjawab dengan tepat tentang bilangan kawasan industri kecil yang telah dibina setakat ini. Ini adalah kerana pembinaan kawasan perindustrian di negeri-negeri adalah ditentukan oleh Kerajaan Negeri masing-masing. Walau bagaimanapun, Kerajaan Pusat melalui Bank Pembangunan Malaysia Berhad telah pun mendirikan dua buah Skim Kilang Bimbingan, iaitu di Pengkalan Chepa, Kelantan yang telah pun beroperasi lebih dari setahun yang lalu dan sebuah lagi di Jengka, Pahang yang baru sahaja disiapkan pembinaan. Selain dari itu, sebuah lagi di Kuantan telah dibina dengan kerjasama Kerajaan

Negeri dan di bawah kelolaan Majlis Perbandaran Kuantan dan dijangka siap pembinaannya pada akhir tahun ini.

Pembinaan Skim Kilang Bimbingan akan diteruskan di negeri-negeri lain oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad manakala MARA pula akan membina kilang-kilang untuk perusahaan kecil di beberapa buah negeri di mana ia mempunyai tanah sendiri. Bahagian Perusahaan Kecil akan juga membina satu di Mukitn Batu di Kuala Lumpur.

Dari segi pencapaiannya pula, di bawah Rancangan Malaysia Kelima ini nanti, adalah diharapkan lebih banyak Skim Kilang Bimbingan dan juga tapak-tapak kilang untuk perusahaan kecil dapat dibina supaya dapat diwujudkan sekurang-kurangnya satu di setiap buah negeri.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak tahu, apabila Kementerian yang berkenaan melaksanakan projek-projek kawasan industri kecil di seluruh negara, adakah Kementerian yang berkenaan berunding dengan Kerajaan Negeri masing-masing, sebab nampaknya Kerajaan Negeri masing-masing pun ada projek perindustrian kecil diri sendiri. Apa yang membimbangkan saya ialah projek yang dilaksanakan oleh Kementerian di peringkat Persekutuan akan bertentangan atau overlapping projek-projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri masing-masing.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, apabila tapak-tapak kilang ini hendak disediakan di peringkat Negeri, maka sudah tentulah agensi-agensi pelaksana terpaksa memohon tanah daripada Kerajaan-kerajaan Negeri dan saya tidak fikir Kerajaan Negeri akan meluluskan tanah kepada agensi-agensi pelaksana

seperti MARA ataupun Bank Pembangunan sekiranya ia menganggap bahawa pemberian tanah-tanah tadi bercanggah dengan projek yang telah pun sedia ada di negeri masing-masing.

Dato' Dr Affiuddin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam usaha Kerajaan Pusat untuk memajukan industri kecil, adakah syarat-syarat dan standard ataupun piawaian pembinaan kilang-kilang dan lain-lain infrastruktur serupa dengan apa yang dikenakan ke atas kawasan-kawasan industri besar?

Soalan kedua, adakah Kerajaan bertujuan mewujudkan satu Dasar Industri Kecil yang terpisah dari dasar am Pelan Induk Perindustrian?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan yang pertama, Kementerian sudah tentulah tidak akan mewujudkan syarat-syarat yang dikenakan kepada kawasan-kawasan perindustrian bagi tapak-tapak industri kecil yang telah diwujudkan oleh agensi-agensinya di bawah Kementerian. Bagi soalan kedua, saya merasakan bahawa soalan itu agak terkeluar daripada soalan asal.

JABATAN TELEKOM— PENSWASTAAN

7. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah jaminan Yang Berhormat Menteri bahawa rancangan penswastaan Jabatan Telekom tidak merugikan penduduk luar bandar. Telefon merupakan keperluan asas dan perkhidmatan sosial yang amat diperlukan untuk perhubungan masyarakat, perniagaan dan pembangunan. Apakah kos penyelenggaraan dan kemasukan telefon keluar bandar tidak berubah seperti dasar yang ada sekarang atau sebaliknya. Apakah jaminan pihak Yang Berhormat Menteri bahawa

pihak swasta memberi keutamaan di luar bandar dan tidak mementingkan keuntungan semata-mata.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, penswastaan Jabatan Telekom Malaysia pada dasarnya tidak akan merugikan penduduk-penduduk di luar bandar. Sungguhpun Syarikat Telekom Malaysia Berhad akan beroperasi sebagai syarikat, tetapi ianya adalah tertakluk kepada lesen perkhidmatan yang akan dikeluarkan oleh Kerajaan. Syarat-syarat seperti perkhidmatan telekomunikasi di luar bandar akan dimasukkan ke dalam lesen tersebut. Pihak Kerajaan masih mengawal dasar-dasar perkhidmatan telekomunikasi seperti jenis perkhidmatan serta juga peraturan tarif yang akan dikenakan oleh Syarikat Telekom Malaysia.

Kerajaan memang sedar betapa pentingnya perkhidmatan telekomunikasi dari segi pembangunan negara dan dengan demikian pihak Kerajaan akan memastikan apa juga dasar perkhidmatan yang akan dilaksanakan oleh Syarikat Telekom Malaysia kelak akan selaras dengan dasar-dasar Kerajaan.

RUMAH KOS RENDAH— URUSAN PINJAMAN

8. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan minta Menteri Kewangan menyatakan dalam Kerajaan begitu ghairah membina rumah-rumah kos rendah mengapakah pihak Kementerian tidak memastikan bank-bank perdagangan mewujudkan satu unit khas untuk pengendalian urusan pinjaman kepada bakal-bakal pembeli rumah kos rendah.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Bank-bank di negara ini telah merangka dan melaksanakan satu prosedur

pentadbiran yang seragam bagi kegunaan kesemua institusi kewangan dalam memproses permohonan pinjaman untuk membeli rumah kos rendah di bawah Program Khas Rumah Kos Rendah. Di bawah prosedur ini, bank-bank telah melantik pegawai-pegawai kanannya untuk berhubung dengan pembeli-pembeli rumah dan pemaju-pemaju rumah mengenai semua perkara yang berkaitan dengan pembiayaan rumah kos rendah ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebuah Jawatankuasa Penyelaras di antara Bank Negara, Bank-bank Perdagangan dan Persatuan Pemaju Pemumahan telah ditubuhkan bagi mengawasi kemajuan dalam pembiayaan rumah di bawah Program Khas Rumah Kos Rendah.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan sama ada beliau sedar bahawa mengenai masalah pinjaman perumahan untuk membeli rumah kos rendah ini, salah satu masalah yang dialami oleh para pembeli rumah-rumah kos rendah ini ialah tentang pembayaran faedah yang ditanggung oleh mereka yang boleh dianggap sebagai tertinggi oleh kerana kadar yang ditetapkan sekarang ialah 10% dan adakah pihak Kementerian berkenaan bercadang untuk berunding dengan bank-bank supaya dapat menurunkan ataupun mengurangkan kadar faedah ini kepada satu peratusan yang munasabah misalnya ke 8% untuk membantu para pembeli rumah untuk mengurangkan beban mereka.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, kadar faedah pada keseluruhannya waktu ini memang diakui agak tinggi berbanding dengan kadar 10 tahun yang lampau. Walau bagaimanapun adalah kurang benar sekiranya dikatakan bahawa kadar faedah bagi pinjaman untuk membeli rumah kos rendah tinggi sekiranya dibandingkan dengan kadar faedah

yang dikenakan bagi pinjaman-pinjaman untuk lain-lain keperluan.

Seperti yang kita sedia maklum bahawa cuma pinjaman-pinjaman bagi membeli rumah kos rendah ini adalah 10% yakni satu kadar faedah yang hampir sama dengan kos wang itu kepada bank. Malah 10% ini boleh dianggap sebagai satu kadar faedah yang perlu ditampung oleh pinjaman-pinjaman lain seperti kita ketahui bahawa pinjaman-pinjaman untuk membeli rumah daripada \$61,000 ke \$100,000 dikenakan 11% dan lebih daripada \$100,000 biasa dikenakan di antara 13% hingga sampai 15%. Maka itu saya rasa tidak boleh dikatakan bahawa kadar 10% ini adalah tinggi dibandingkan dengan kadar yang dikenakan sekarang ini. Dan selagi kos wang kepada bank-bank tidak dapat diturunkan, Kementerian Kewangan tidak bercadang untuk hendak menurunkan kadar faedah ini kepada 8% ataupun 9% seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang tadi.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya adakah pihak Kementerian Kewangan sedar bahawa banyak bank tidak mahu menerima permohonan pinjaman daripada orang-orang yang hendak meminjam bagi tujuan membeli rumah kos rendah seperti rumah flet atau rumah pangsa buat masa ini. Mereka menolak atau tidak mahu terima kalau buat flet; bagi rumah teres boleh, tetapi bagi flet banyak bank yang menolak permohonan itu.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, kalau flet itu dianggap sebagai satu flet yang termasuk di bawah definisi kos rendah, perlu saya menyatakan bahawa mengikut rancangan Skim Khas untuk Perumahan Kos Rendah ini segala permohonan yang dibuat untuk mendapatkan pinjaman hendaklah diberitahu dalam masa 2 minggu dan

kalau sekiranya pinjaman-pinjaman itu ditolak maka permohonan-permohonan itu hendaklah dipanjangkan kepada Pusat Biro, Bank Negara Malaysia yang mana saya katakan awal-awal tadi bahawa berkaitan dengan ini ada satu Jawatankuasa atau Biro Penyelaras di antara Bank Negara, bank-bank perdagangan dan Persatuan Pemaju-perumahan.

Jadi soal bagi mana-mana institusi kewangan tidak mahu menerima berdasarkan kepada rumah itu bukannya rumah teres, tetapi rumah pangsa sepatutnya tidak timbul. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai mempunyai bukti-bukti yang nyata di mana sesebuah institusi kewangan sengaja menolak permohonan seperti ini tertakluk kepada syarat-syarat yang dikenakan, silalah beritahu kepada Kementerian supaya tindakan-tindakan sewajarnya dapat diambil terhadap institusi-institusi kewangan berkenaan.

JENAZAH DARI HOSPITAL MENGHANTAR BALIK

9. Tuan James Jimbun anak Pungga minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kerajaan mengatur membawa balik jenazah orang yang mati semasa berubat di Hospital Besar, Kuala Lumpur yang diuruskan melalui Hospital Kerajaan pulang kepada rumahnya, terutama sekali orang-orang daripada Negeri Sarawak dan Sabah.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, apabila seorang pesakit dari mana-mana hospital di Semenanjung Malaysia yang dirujuk dan meninggal dunia di Hospital Besar Kuala Lumpur ataupun ke Hospital Kerajaan yang lain biasanya akan dihantar balik dengan kereta mayat ke hospital asal untuk dituntut kembali oleh pihak keluarga si mati.

Bagi pesakit-pesakit dari Sabah dan Sarawak, peraturan yang diamalkan sejak tahun 1983 adalah seperti berikut. Apabila pesakit dari Sabah atau Sarawak meninggal dunia di Hospital Besar Kuala Lumpur, pihak Rumah Sabah atau Rumah Sarawak akan diberitahu berkenaan dengan kematian tersebut. Pihak Rumah Sabah atau Sarawak pula akan menghubungi hospital di Sabah atau Sarawak di mana pesakit mula-mula dirujuk dan mendapat arahan mengenai apa yang harus dibuat dalam tempoh 48 jam. Pihak Hospital Besar Kuala Lumpur biasanya akan mengikut arahan yang diterima dari Rumah Sabah atau Rumah Sarawak sama ada untuk dikebumikan di Kuala Lumpur ataupun sebaliknya.

Sekiranya jenazah perlu dihantar kembali ke Sabah ataupun Sarawak, pihak Rumah Sabah atau Rumah Sarawak akan menguruskannya dengan pihak Hospital Besar Kuala Lumpur dan syarikat-syarikat pengendalian jenazah atau dengan izin, "undertakers" yang dilantik oleh pihak Rumah Sabah ataupun Rumah Sarawak.

Drs Suleiman bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar atau tidak bahawa terdapat sindiket-sindiket di hospital-hospital yang mengurus masalah kematian ini dan ada hubungan di antara kakitangan hospital dengan sindiket-sindiket ini yang bersifat komersial yang akhirnya menyusahkan keluarga-keluarga si mati. Kalau betul, sama ada Kementerian Kesihatan akan mengambil satu langkah atau tindakan? (*Tepuk*)

Dato' K. Pathmanaban: Saya harap dapat tepukan selepas saya jawab juga, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan memang juga dengar

mengenai kejadian-kejadian yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan dalam beberapa masa yang lalu kita telah mengetatkan beberapa peraturan di hospital termasuk juga untuk memudahkan keluarga-keluarga yang hendak mengendalikan jenazah keluarga-keluarga mereka. Kita telah juga dapat membekalkan di rumah mayat itu sebuah telefon am dengan beberapa keterangan mengenai rumah-rumah "undertakers", dengan izin, yang terdapat di kawasan Kuala Lumpur termasuk juga bantuan yang diberikan dalam keadaan seperti ini oleh badan-badan kebajikan dan sebagainya. Dan kita harap orang ramai juga tidak usahlah terkeliru dan seboleh-bolehnya menggunakan keterangan yang kita telah pun siapkan di rumah mayat itu dan tidak menjadi mangsa kepada beberapa orang yang mungkin mencari peluang dalam keadaan-keadaan yang sedih seperti itu.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Timbalan Menteri tadi menyatakan apabila seseorang yang sakit meninggal di Hospital Besar Kuala Lumpur akan dihantar ke hospital tempat asal dengan menggunakan kereta mayat. Saya suka bertanya di sini adakah Kementerian ini mempunyai peruntukan kereta mayat yang mencukupi bagi semua hospital di negara ini termasuk di hospital-hospital daerah kerana mungkin ada juga orang yang meninggal di hospital daerah perlu dihantar ke tempat asal mayat itu sendiri.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, kita akan menggunakan kereta mayat di hospital-hospital dalam keadaan yang saya ceritakan tadi sahaja dan bukan untuk segala kematian di hospital. Dalam keadaan itu memang kita sentiasa cuba membesarkan lagi "fleet" kereta

mayat kita, dengan izin, di hospital-hospital dan dalam tahun lalu sahaja kita telah membeli lebih daripada 60 kereta mayat untuk dibekalkan ke hospital-hospital ataupun untuk menggantikan kereta-kereta yang sudah lama dipakai.

DASAR SATU BAHASA, SATU BUDAYA

10. Tuan P. Patto minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) setakat mana dasar "Satu Bahasa, Satu Budaya" yang diperkenalkan oleh Kerajaan dalam Oktober, 1982 telah menyumbang terhadap polarisasi kaum yang bertambah dan perpecahan kaum di antara golongan-golongan ethnik dalam negara; dan
- (b) sama ada Kerajaan akan batalkan dasar itu dan menggantikannya dengan satu dasar "Semua Bahasa, Semua Budaya" untuk membantu mengurangkan polarisasi kaum dan memupuk perpaduan di kalangan semua rakyat Malaysia dan juga memberi status dan pengiktirafan yang ia berhak menerima kepada bahasa dan budaya rakyat Malaysia.

Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri (Raja Ariffin bin Raja Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang ada di negara ini ialah Dasar Bahasa Kebangsaan yang telah diterima oleh semua kaum dan dimeterikan dalam Perlembagaan. Dasar ini tidak menghapuskan bahasa-bahasa lain yang ada di negara ini. Malah, bahasa-bahasa lain bebas digunakan oleh rakyat, kecuali dalam urusan-urusan rasmi Kerajaan.

Bahasa Inggeris, bahasa Cina dan bahasa Tamil terus diajarkan di dalam sekolah-sekolah dan juga di pusat-pusat pengajian tinggi. Dasar Bahasa

Kebangsaan di negara ini bukanlah sebab yang menimbulkan polarisasi kaum. Dasar ini sudah ada dan diterima sejak lama dahulu, malah bahasa Melayu telah digunakan sebagai bahasa rasmi dalam urusan-urusan Kerajaan sebelum Merdeka dahulu lagi.

Apa yang dimaksudkan dengan "Satu Budaya" ialah pembentukan Budaya Kebangsaan selaras dengan keinginan dan hasrat kita semua membentuk satu bangsa Malaysia yang mempunyai identiti yang dapat dibanggakan dan penuh dengan kesetiaan kepada Negara. Polarisasi kaum tidak berpunca daripada usaha ini. Polarisasi kaum yang timbul di sana sini adalah cetusan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Mereka ini tidak senang melihat negara kita aman dan makmur. Jika digubalkan dasar "seribu bahasa, seribu budaya" sekalipun, bagi mereka ini sudah tentu ada sahaja yang tak kena. Mereka akan terus bertindak memecahkan perpaduan rakyat, kerana itu adalah kepentingan mereka. Oleh itu Kerajaan tidak nampak cadangan Yang Berhormat itu dapat meningkatkan perpaduan.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen beritahu sama ada, ada negara-negara dalam dunia ini yang menghadapi perpecahan kaum kerana satu bahasa, satu budaya.

Yang kedua, adakah negara-negara dalam dunia ini dapat memupuk perpaduan kerana semua bahasa dan semua budaya?

Raja Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, bila ditanya seluruh dunia ini, saya takut hendak jawab "ya" ataupun "tidak".

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, mungkin saya boleh jawab bagi pihak Setiausaha Parlimen. Bagi

semua bahasa, semua budaya, ada satu, di Amerika Syarikat.

Soalan saya, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedia maklum kenyataan bahawa bahasa lain tidak dibenarkan wujud. Adakah ini bercanggah dengan keinginan Kerajaan untuk enggan memansuhkan Seksyen 21(2) Akta Pelajaran. Adakah ini bercanggah dengan membenarkan bahasa-bahasa lain wujud. Yang kedua, adakah keputusan Menteri Pelajaran baru-baru ini bahawa bahasa Cina dan bahasa Tamil tidak dibenarkan disebut sebagai bahasa ibunda, merupakan satu lagi usaha, satu lagi langkah untuk menghakis hak orang-orang Cina dan orang-orang Tamil mempetajari bahasa mereka. Adakah keputusan ini dipersetujui oleh parti-parti komponen Barisan Nasional seperti MIC, MCA dan GERAKAN?

Raja Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak jawab soalan itu bagi pihak Kerajaan, saya rasa tunggu masa bila menjadi Kerajaan, kalau hendak jawab dalam Dewan ini. Yang kedua berkenaan dengan adakah usaha-usaha yang dibuat oleh Kementerian terutamanya yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran itu bercanggah dengan usaha-usaha untuk memupuk perpaduan melalui membenarkan bahasa-bahasa lain digunakan, saya ingat ini tidak bercanggah, dengan kerana saya ingat dalam ucapan itu juga kalau Yang Berhormat tadi melihat dalam Televisyen, kalau tidak hadir dalam itu pun menyebutkan bahasa-bahasa lain akan terus diajar di sekolah-sekolah. Saya ingat tidak bercanggah dan berkenaan seksyen yang disebutkan tadi, itu telah pun diterangkan oleh Menteri Pelajaran dan Timbalan Menteri di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan sedar

bahawa kerana tidak menggunakan satu bahasa, satu budaya yang sepenuhnya menyebabkan polarisasi dan perpecahan kaum bertambah besar. Sekiranya sedar, adakah Kerajaan akan melaksanakan dasar tersebut secara serius dan tegas, misalnya melalui Dasar Pelajaran Kebangsaan dan Kebudayaan.

Raja Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat jelas dasar Kerajaan ialah dasar menggunakan Bahasa Kebangsaan iaitu Bahasa Malaysia dan kita membenarkan bahasa Inggeris. Bahasa-bahasa lain sebagaimana saya sebutkan tadi dibenarkan di dalam negara kita ini, bahkan kita menggalakkan pengajaran bahasa-bahasa lain sebagaimana bahasa Cina, bahasa India, bahasa Arab, bahasa Perancis supaya dengan penguasaan bahasa ini, kita juga dapat mengikuti perkembangan di seluruh dunia ini, dan ini memang digalakkan. Saya rasa usaha-usaha yang kita buat ini tidaklah sepatutnya menyumbang terhadap perpecahan kaum ataupun kepada polarisasi kaum.

Sebagaimana saya sebutkan dalam jawapan saya tadi, bahawa perpecahan kaum ini dibangkitkan oleh pihak-pihak yang tertentu, kerana ini adalah seiringan dengan kepentingan mereka kerana kepentingan mereka berpunca dengan adanya ketidakamanan di dalam negara kerana mereka mencelah di dalam keadaan yang tidak aman ini. Dan kalau ada keamanan, maka mereka cuba mencari jalan supaya keamanan itu dapat dipecah dan mereka dapat hidup di dalam keadaan ini, terutamanya dekat-dekat pilihanraya.

CUKAI ATAS PAMPASAN— PENGECCUALIAN

11. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedia mengecualikan pekerja-pekerja yang dibuang kerja

daripada membayar cukai ke atas wang yang diterima oleh mereka sebagai pampasan serta juga gaji dan lain-lain faedah kewangan yang diterima apabila mereka dibuang kerja dalam tahun penilaian yang relevan.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Sukacita dimaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa dalam Belanjawan yang baru dibentangkan, paras pengecualian cukai ke atas pampasan kerana kehilangan kerja telah dinaikkan dari \$2,000.00 kepada \$4,000.00 bagi setiap tahun genap tempoh perkhidmatan. Walau bagaimanapun, gaji yang mereka terima adalah dikenakan cukai.

Memandangkan paras pengecualian cukai telah dinaikkan, Kerajaan tidak bercadang untuk memperluaskan bidang pengecualian kepada gaji dan lain-lain faedah kewangan yang mereka terima apabila dibuang kerja bagi tahun taksiran berkenaan.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat ada Kerajaan bersedia untuk menimbang semula pengecualian diberi atas gaji dan juga faedah-faedah kewangan yang diterima apabila seseorang dibuang kerja oleh kerana pembuangan kerja itu sendiri menjadi satu pukulan yang hebat terhadap diri seseorang pekerja. Dan ini pula datangnya Kerajaan untuk sapu separuh daripada apa yang diterima sebagai pampasan. Jadi, tidakkah pihak Kementerian memikirkan ini tidak adil dan dari segi keadilan yang sentiasa dituntut oleh pihak Kerajaan, gaji dan lain-lain faedah kewangan yang diterima oleh seseorang pekerja ini sewaktu dibuang kerja dikecualikan daripada sebarang pembayaran cukai ataupun komisyen yang Kerajaan hendak.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Ahli Yang Berhormat dari Ipoh mengajar kita

hendak kasihan ataupun hendak adil, Yang Berhormat dari Ipoh harus faham dahuuu perbezaan antara cukai dan buang kerja. Ini dua perkara yang berbeza. Kalau hendak dikira kasihan, tanggar dek lori pun, kita kasihan dan langgar dek basikal pun, kita kasihan. Soalnya sekarang kita hendak menaikkan cukai, kita hendak menaikkan had apabila seseorang itu berhenti dari kerja. Jadi, kita tidak akan menaikkan had ini kerana kita baru naikkan daripada \$4,000 dan bagi mereka yang dikenakan cukai, mesti dikenakan cukai. Soal dia kena buang kerja, itu soal Eain.

SISTEM KAWALAN PERTUKARAN WANG

12. Tuan Zubir bin Embong minta Menteri Kewangan menyatakan langkah-langkah dan peraturan-peraturan yang ada bagi mengawal pengaliran wang keluar dari negara dan bagaimana pengawalan pengaliran keluar wang daripada negara dilakukan dalam perniagaan saham di antara Pasaran Saham Kuala Lumpur dengan Pasaran Saham Singapura.

Dato'Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sistem Kawalan Pertukaran Matawang di negara kita adalah liberal. Pengiriman wang keluar negara dibenarkan secara bebas tertakluk hanya kepada pengisian borang statistik untuk tiap-tiap satu kiriman yang melebihi \$10,000 sahaja. Selain dari itu, pengiriman wang keluar negara melalui bank-bank perdagangan untuk tujuan pelaburan dibenarkan secara bebas.

Sehubungan dengan ini, rakyat Malaysia diberi kebebasan untuk membeli saham-saham yang bukan sahaja disenaraikan di Pasaran Saham Singapura malah di mana-mana Bursa Saham yang ternama di dunia.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, bank-bank telah diarah

untuk memastikan bahawa sebarang kiriman wang keluar negeri untuk tujuan pelaburan oleh seseorang pemastautin bukan dibiayai melalui wang pinjaman dari mana-mana sumber di negara ini.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kuala Kedah, ada soalan?

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Ada soalan tetapi

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Api lambat menyalanya?

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Ya, lambat.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa dengan adanya Pasaran Saham Kuala Lumpur dan Pasaran Saham Singapura yang melibatkan saham-saham yang sama, yang terdapat di kedua-dua buah pasaran saham ini, maka pembelian saham di Kuala Lumpur dapat dibuat yang boleh juga dapat dijual di Pasaran Saham Singapura dan ini bermakna satu pengaliran kewangan dari Malaysia ke Singapura melalui kedua pasaran saham yang terikat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu bolehkah pihak Kementerian Kewangan benar-benar mengesan beberapa banyakkah wang yang keluar melalui pasaran saham ini dari Malaysia ke Singapura dan sama ada amaun wang yang keluar ini boleh menjejaskan ekonomi negara kita?

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, apabila ada yang keluar, tentulah ada juga yang masuk. Jadi adakah pihak Kementerian dapat mengesan berapa banyak atau banyak manakah wang yang masuk melalui pasaran saham ini dari Singapura ke

Malaysia dan dapatkah pihak Kementerian menentukan apakah tujuan-tujuan wang itu dimasukkan melalui pasaran saham ke Malaysia ini, sama ada tujuan tersebut adalah tujuan yang tidak sihat bagi ekonomi negara kita?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab pembelian saham-saham di Bursa Saham Singapura dan juga di Bursa Saham Kuala Lumpur, maka kita ada angka-angka yang khusus bagi pengaliran keluar matawang kita melalui pembelian saham ini. Dan juga oleh sebab pembelian ini dapat dibuat dengan bebas sama ada dibeli di Singapura, dijual di Kuala Lumpur atau sebaliknya, angka-angka ini tidak kita buat secara khusus.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai angka-angka secara menyeluruh yakni pengaliran keluar matawang negara bukan sahaja ke Singapura, tetapi juga ke negara-negara lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, misalnya bagi tahun 1983, aliran keluar wang kita untuk pelaburan ialah sebanyak \$3,512 juta dan yang masuk hanya \$1,589 juta.

Bagi tahun 1984 keluaran ialah \$3,216 dan masuk \$1,549 juta.

Bagi tahun 1985 aliran keluar sebanyak \$3,134 juta sedangkan yang masuk hanya \$1,688 juta, menjadikan satu net outflow, dengan izin, wang kita keluar negeri.

Soalan sama ada ianya akan menjejaskan kedudukan ekonomi negara kita, inginlah saya memaklumkan, secara tidak langsung sudah tentulah kalau sekiranya lebih wang keluar daripada yang masuk dan akan menimbulkan net outflow, dengan izin, ini tidak begitu baik. Walaupun demikian, selagi kita tidak menukar polisi kita daripada Sistem

Kawalan yang kita anggap liberal ini, maka selagi itulah barangkali keluaran wang masuk matawang negara kita ini tidak dapat kita tahan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pasir Mas.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini Kerajaan melalui Dewan yang mulia ini ada meminda Akta Sekuriti. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberitahu bahawa dengan pindaan Akta baru-baru ini yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, ianya boleh memberi jaminan kepada kawalan pengaliran wang kita keluar melalui dagangan saham, sama ada di Pasaran Saham Kuala Lumpur ataupun Singapura, kerana saya berpendapat dasar bebas dan liberal yang diamalkan sekarang ini tidak menguntungkan ekonomi negara kita.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, pemindaan terhadap Akta Sekuriti yang baru kita luluskan di Dewan yang mulia ini, bukannya bertujuan untuk menghalang perniagaan sekuriti, tetapi untuk menghindarkan daripada kemungkinan berlakunya pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab membuat pembelian-pembelian saham khususnya apa yang kita panggil "forward trading" bagi mereka yang membeli, tetapi tidak sanggup mengotakan apa yang mereka buat perjanjian. Melalui pindaan ini kita telah menambah penalty, dengan izin, kepada mereka yang terlibat supaya mereka akan benar-benar berhati-hati. Kita berharap juga dengan mengenakan denda yang lebih berat, maka perkara-perkara yang tidak diingini ini kalau berlaku pun kuranglah, kerana hanya mereka yang benar-benar crook, dengan izin, akan terlibat dan bagi mereka yang part-timers, kita harap mereka akan berhati-hati.

Soalnya, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya hendak tegaskan bahawa pemindaan ini bukannya bertujuan untuk menyekat dagangan sekuriti di antara kedua-dua Bursa di Singapura dan di Malaysia.

GURU BESAR SEKOLAH MISSION

13. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah satu dasar baru Kementerian yang memerlukan Guru Besar Kristian Sekolah-sekolah Kristian (Missionary Schools) digantikan oleh lain Guru Besar yang berumat Islam seperti yang sudah jadi di satu Sekolah Corwent di Taiping dan jika ada dasar ini, sila sebut bilakah dasar baru ini dikuatkuasakan, dan juga sudah berapa sekolah terlibat sehingga 30hb Jun, 1986.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran tidak ada membuat dasar baru untuk menggantikan Guru Besar sekolah-sekolah mission dengan pegawai-pegawai yang beragama Islam. Di samping itu tidak juga ada dasar bagi melantik Guru Besar sekolah-sekolah berkenaan dari pegawai-pegawai yang beragama Kristian sahaja.

Sebenarnya jawatan Guru Besar di sekolah-sekolah adalah jawatan kenaikan pangkat. Oleh itu perlantikan ke jawatan-jawatan tersebut dibuat tertakluk kepada peraturan-peraturan kenaikan pangkat yang sedia ada sekarang termasuklah kebolehan, kecekapan, kekananan an kesesuaian calon-calon. Walau bagaimanapun dalam perkara ini, Kementerian Pelajaran sentiasa mengadakan rundingan dengan sekolah-sekolah yang berkenaan.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat

Timbalan Menteri berkenaan. Dalam jawapan tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan mengenai cara kenaikan pangkat Guru-guru Besar. Saya ingin tahu, berdasarkan sistem kenaikan pangkat yang ada sepertimana point system diwujudkan, di antara perkara-perkara yang diambil kira dalam kenaikan pangkat ini seperti merujuk kepada seniority, prestasi pekerjaan yang baik, rekod kerja dan sebagainya, yang mana satukah faktor yang penting yang diambil kira oleh Kementerian, kerana kadangkala terdapat guru yang hanya dari segi senioritynya sahaja, dari segi rekod kerja tidak baik pun naik pangkat juga. Jadi, saya ingin tahu daripada Kementerian yang berkenaan.

Yang kedua, adakah Kerajaan bercadang untuk meningkatkan lagi taraf ataupun kedudukan Guru-guru Besar di seluruh negara. Saya harap soalan ini tidak keluar daripada soalan asal.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Beri jawapan kepada soalan yang masuk sahaja, yang terkeluar tidak payah jawab.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberikan penjelasan berkait dengan markah-markah atau tekanan-tekanan akan diberikan kepada semua faktor-faktor yang ada di sini. ini semua kembali kepada satu Lembaga Kenaikan Pangkat itu.

Berkaitan dengan prestasi atau kelayakan Guru Besar, jawapan saya ialah pada masa hadapan apabila kita sudah maju di dalam pelajaran, memanglah Guru Besar yang layak ialah yang ada academic qualification yang lebih tinggi.

Tuan Chian Heng Kai: Soalan tambahan. Saya ingin tahu sebelum Guru Besar itu dihantar kepada sekotah mission di Taiping itu sama ada

Kerajaan berunding dengan sekolah tersebut?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, sebelum seorang guru dihantar kepada sekolah terlebih dahulu Pegawai Pelajaran Negeri itu dan Pegawai Pelajaran Daerah akan berunding dengan sekolah-sekolah berkenaan untuk mengelakkan sensitiviti berkaitan dengan agama.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, dia belum jawab soalan saya. Sebelum Guru Besar itu dihantar kepada sekolah Taiping sama ada Kerajaan telah berunding dengan sekolah tersebut.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya jawab tadi, ini sudah dijadikan dasar bahawa Pegawai Pelajaran Daerah dan Pegawai Pelajaran Negeri ada berunding dengan sekolah dan kalau Yang Berhormat hendak bertanya, lebih baik dia terus bertanya kepada sekolah itu dahulu sebelum dia bertanya di Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Sim Kwang Yang.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, pembetulan. Laporan polis berkenaan dibuat pada 1hb April, 1985 bukan 1986 seperti yang dicatatkan.

BALAI POLIS PUSAT, KUCHING—LAPORAN

14. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan hasil penyiasatan polis mengenai laporan 1551/85 yang dilaporkan di Balai Polis Pusat Kuching 1-4-1985 dan mengapakah Jabatan Polis Sarawak mengambil masa yang lama untuk menjalankan penyiasatan yang perlu berhubung dengan kekejaman polis.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab bagi pihak Menteri Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak polis telah menyiasat kes tersebut dengan merujuk kepada Pegawai Perubatan pada tarikh laporan dibuat iaitu pada 1-4-1985. Setelah menjalani pemeriksaan pakar X-Ray berpendapat bahawa kecederaan yang dialami oleh pengadu telah berusia 2 minggu. Kertas siasatan polis kemudiannya telah dihantar kepada Peguam Kanan Persekutuan Sarawak pada 17-12-1985. Setelah dikaji Peguam Kanan Persekutuan Sarawak pada 27-12-1985 telah mengarahkan kes tersebut ditutup kerana kekurangan bukti dan adanya keraguan terhadap laporan yang dibuat. Keadaan tersebut jelas membuktikan bahawa dakwaan Ahli Yang Berhormat berkenaan terhadap kelewatan pihak polis Sarawak menjalankan siasatan terhadap kes tersebut adalah tidak benar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3 adalah diberi di bawah ini)

PERBELANJAAN TAHUNAN KEDUTAAN-KEDUTAAN

3. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Luar Negeri menyatakan beri jumlah perbelanjaan tahunan bantuan untuk kedutaan-kedutaan negara kita yang ada di negara asing sejak 1981 dan menyatakan bagaimana kedutaan-kedutaan itu memberi sumbangan yang berfaedah kepada negara kita secara amnya dan terutamanya dari segi dua aspek, iaitu perdagangan dan

kebajikan pelajar-pelajar termasuk bayaran yuran seperti di negara-negara Komanwel.

Menteri Luar Negeri (Dato' Rais Yatim): Jumlah perbelanjaan tahunan bagi kedutaan-kedutaan kita di luar negeri semenjak 1981 ialah seperti berikut:

- 1981 — \$63,714,514 untuk 47 buah perwakilan
- 1982 — \$74,057,782 untuk 52 buah perwakilan
- 1983 — \$77,255,974 untuk 56 buah perwakilan
- 1984 — \$81,220,328 untuk 56 buah perwakilan
- 1985 — \$90,687,222 untuk 57 buah perwakilan

Kedutaan-kedutaan negara kita di luar negeri merupakan jentera untuk memperjuangkan objektif dasar luar negeri Malaysia di peringkat antarabangsa iaitu menegak dan mempertahankan kedaulatan, keutuhan wilayah, kemerdekaan, keselamatan serta memperjuangkan kepentingan politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan negara. Oleh yang demikian, peranan kedutaan-kedutaan kita di luar negeri amatlah penting dan besar maknanya dalam usaha-usaha negara ke arah pencapaian matlamat dasar-dasar negara secara menyeluruh, khasnya dalam usaha membangunkan lagi ekonomi.

Menyentuh tentang sumbangan kedutaan-kedutaan terhadap peningkatan perdagangan negara kita, sukacita saya maklumkan bahawa kedutaan-kedutaan kita di bawah Duta Besar sekarang menitikberatkan aktiviti ekonomi. Sebuah Jawatankuasa Penyelaras Hal Ehwal Ekonomi yang dipengerusikan oleh Duta Besar sendiri telah ditubuhkan bagi meningkatkan usaha-usaha menarik pelabur-pelabur asing, memperluaskan pasaran bagi barang-barang buatan Malaysia di luar negeri

dan lain-lain aktiviti berunsur ekonomi dan perdagangan.

Di perwakilan-perwakilan di luar negeri di mana terdapat pelajar-pelajar Malaysia, pihak perwakilan kita juga bertanggungjawab atas kebajikan penuntut-penuntut. Ini merupakan satu fungsi yang dijalankan secara sendiri ataupun dengan Jabatan Penuntut-penuntut Malaysia sekiranya ada. Pelajar-pelajar Malaysia diberi bantuan dalam pelbagai bidang seperti Konsular, penerangan dan lain-lain oleh pihak kedutaan-kedutaan kita. Tetapi, dalam perkara pembayaran yuran penuntut-penuntut di setengah negara-negara asing termasuk negara-negara Komanwel, isu ini merupakan satu perkara mutlak bagi sesebuah negara asing. Pihak Kerajaan melalui saluran diplomatik termasuk kedutaan kita boleh dan telah membuat rayuan atas kenaikan bayaran yuran pelajaran di negara-negara berkenaan supaya beban kenaikan bayaran yuran tidak menjejaskan pelajaran penuntut-penuntut kita. Kita hanya boleh merayu dan membincang sahaja dengan pihak negara berkenaan, tetapi keputusan adalah di dalam tangan negara asing.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH KEHAKIMAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
MAHKAMAH RENDAH
(PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Rendah 1948; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

Setiausaha: Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: (*Bangun*)

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, dia pun tahu, mungkin dia tidak mahu Tuan Yang di-Pertua tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia bangun sahaja. Sila Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri Kewangan, Rang Undang-undang yang ketiga.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya ingin mengemukakan Rang Undang-undang Finance (Banking and Financial Institution) untuk dibacakan kali.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, on a point of order. Adakah dia berhak, oleh kerana Yang Berhormat Menteri tidak tahu. Dia sengaja, itu boleh tunggu esok. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah tukar fikiran, dia mahu tarik balik atau apa. Mana boleh sesiapa berdiri sahaja bagi pihak. Tadi dia baharu sahaja ada di sini, point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya buat ruling, mana-mana Menteri, Timbalan Menteri boleh menjawab bagi pihak Kerajaan.

Tuan Lim Kit Siang: Itu bukan menjawab, mengemukakan Rang Undang-undang bukan boleh main-main di Parlimen ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Kita bukan main-main, kita mewakili pihak Kerajaan.

Tuan Lim Kit Siang: Tak tahu mana boleh mewakili, tahu baru boleh mewakili.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: (*Masuk Dewan*)

Tuan Lim Kit Siang: Mahu kemukakan.

Setiausaha: Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu saya mohon maaf kerana saya keluar sebentar tadi disebabkan hendak buang air.

Saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Kewangan (Bank dan Institusi Kewangan) dibacakan kali pertama.

**RANG UNDANG-UNDANG
KEWANGAN (BANK DAN
INSTITUSI KEWANGAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958, Akta Syarikat Kewangan 1969, Akta Bank 1973 dan Akta Bank Islam 1983; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
MAHKAMAH RENDAH
(PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Rendah 1948; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

Setiausaha: Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: (*Bangun*)

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, dia pun tahu, mungkin dia tidak mahu Tuan Yang di-Pertua tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia bangun sahaja. Sila Yang Berhormat Yang Berhormat Menteri Kewangan, Rang Undang-undang yang ketiga.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya ingin mengemukakan Rang Undang-undang Finance (Banking and Financial Institution) untuk dibacakan kali.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, on a point of order. Adakah dia berhak, oleh kerana Yang Berhormat Menteri tidak tahu. Dia sengaja, itu boleh tunggu esok. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah tukar fikiran, dia mahu tarik balik atau apa. Mana boleh sesiapa berdiri sahaja bagi pihak. Tadi dia baharu sahaja ada di sini, point of order.

Timbaian Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya buat ruling, mana-mana Menteri, Timbalan Menteri boleh menjawab bagi pihak Kerajaan.

Tuan Lim Kit Siang: Itu bukan menjawab, mengemukakan Rang Undang-undang bukan boleh main-main di Parlimen ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Kita bukan main-main, kita mewakili pihak Kerajaan.

Tuan Lim Kit Siang: Tak tahu mana boleh mewakili, tahu baru boleh mewakili.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: (*Masuk Dewan*)

Tuan Lim Kit Siang: Mahu kemukakan.

Setiausaha: Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu saya mohon maaf kerana saya keluar sebentar tadi disebabkan hendak buang air.

Saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Kewangan (Bank dan Institusi Kewangan) dibacakan kali pertama.

**RANG UNDANG-UNDANG
KEWANGAN (BANK DAN
INSTITUSI KEWANGAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958, Akta Syarikat Kewangan 1969, Akta Bank 1973 dan Akta Bank Islam 1983; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN 1987**

DAN

USUL

**ANGGARAN PEMBANGUNAN
1987**

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1987 dan Anggaran Pembangunan 1987 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (*Hari Keempat belas*)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *memengerusikan Jawatankuasa*)

3.41 ptg.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya berdiri atas point of order di bawah Peraturan 66 (6) untuk menarik perhatian Tuan Pengerusi kepada peruntukan ini di mana pada hari Jumaat mesyuarat tidak mengikut peraturan ini mengenai anggaran untuk Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos yang telah diluluskan sebelum habis masa yang diuntukkan bagi anggaran ini dan sebelum perbahasan dibenarkan, Ahli Yang Berhormat dari Kemaman dan lain-lain Ahli-ahli yang mahu berbahas dan ini sudah melanggar Peraturan 66 (6) dan kelulusan yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua masa itu Yang Berhormat dari Kapar tidak sah, dan ini adalah satu kelalaian Dewan di mana tidak ada anggaran dibahaskan—satu kelalaian, satu kecuiaan yang sebenarnya disebabkan oleh kelalaian dan kecuiaan Yang Berhormat dari Kapar yang pada masa

itu Pengerusi Majlis ini (*Tepuk*) dan oleh kerana itu mana boleh satu anggaran berjumlah \$180 juta diluluskan tanpa perbahasan apabila ada Ahli-ahli Parlimen yang mahu berbahas (*Tepitk*). Bukan di bahagian sini sahaja, Ahli-ahli Parlimen dari Barisan Nasional pun mahu bahas. Dan bolehkah kita berbalik semula kepada perbahasan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, oleh kerana kelulusan itu tidak mengikut Peraturan 66 (6) dan sebab itu tidak sah. (*Tepuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, semasa Jawatankuasa bersidang pada hari Jumaat, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua yang berkenaan telah membaca bab yang berkenaan dan setelah itu apabila beliau berpuas hati bahawa tidak ada Ahli yang bangun semasa beliau melihatnya maka saya buat keputusan bahawa apa yang diputuskan pada hari itu adalah sah.

Tuan Lim Kit Siang: Ada Ahli yang bangun, melihat sahaja. Sebab itu melanggar Peraturan 66 (6).

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, saya lelah membuat keputusan.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak boleh balik kepada anggaran ini?

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat boleh buat motion.

Tuan Lim Kit Siang: Mahu buat motion? Saya akan timbang.

Maksud B.54 (Jadual)—

Maksud P.54 (Anggaran Pembangunan /1987)—

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Titiwangsa, saya beri hanya 5 minit sahaja untuk meneruskan perbahasan.

3.43 *ptg.*

Drs Suleiman bin Mohamed (Titiwangsa): Tuan Pengerusi, saya suka menyambung pada perbahasan muka surat 241, B.54, Butiran 020200.

Minggu lalu saya telah nyatakan mengenai penyebaran secara meluas, satu lagi sistem bahasa isyarat yang bersaing dengan sistem rasmi Bahasa Malaysia kod tangan, BMKT di mana sistem ini telah diperkenalkan oleh sebuah sekolah persendirian. Oleh kerana sistem kod tangan baru ini maka orang-orang cacat pendengaran mengalami dilemma kerana sistem ini yang menggunakan American sign language, dengan izin, boleh merosakkan akidah-akidah orang-orang Islam, orang-orang cacat yang beragama Islam.

Tuan Pengerusi, orang-orang cacat ini adalah tergolong daripada mereka yang kurang bernasib baik, oleh kerana itu adalah menjadi tanggungjawab kita, Kerajaan dan negara membantu dan memberi perhatian khas dan khusus kepada mereka sebagai warganegara yang lain. Kita tahu bahawa banyak badan sukarela telah menjalankan kerja-kerja amal bagi kepentingan orang-orang cacat ini. Oleh kerana banyak badan-badan sukarela maka saya berpendapat satu Undang-undang khas perlulah diadakan supaya dapat menjaga kepentingan orang-orang cacat pendengaran dan program-program khas yang hendak dijalankan baik secara sukarela mahupun oleh Kerajaan dapat dikawai dalam usaha membangun masyarakat seumpama ini.

Dalam konteks ini, saya sukalah menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa kita ambil sebagai contoh iklan di TV Malaysia yang menggunakan iklan Kentucky Fried Chicken yang menggunakan orang-orang cacat pendengaran di dalam iklan tersebut.

Saya telah mendapat aduan bahawa iklan Kentucky Fried Chicken ini diambil daripada Sekolah Kanak-kanak Pekak Selangor iaitu sekolah persendirian dan daripada hasil iklan itu mereka telah berjaya mengutip \$71,000 tetapi malangnya wang tersebut tidak pergi kepada Sekolah Kanak-kanak Pekak Selangor tetapi pergi kepada pihak yang lain iaitu pergi kepada Persatuan Orang-orang Pekak.

Jadi inilah yang saya rasa mesti dikawal kerana kalau tidak ada pengawalan yang begitu rapi dibuat oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat, maka penyelewengan-penyelewengan menurut pandangan saya akan terus berlaku.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu sebagai contoh Sekolah Kanak-kanak Pekak, Selangor ini seperti saya sebut adalah sekolah persendirian yang berdaftar di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat. Pada asalnya sekolah ini memberi tumpuan kepada kanak-kanak cacat pendengaran yang gagal Sijil Rendah Pelajaran. Mereka ini diberi latihan vocational tetapi lama kelamaan mereka memulakan kelas untuk Darjah 1 hingga Tingkatan 3, mengikut aduan daripada orang ramai tanpa pengetahuan Kementerian Kebajikan Masyarakat.

Sekolah ini tidak mengikuti sistem yang ditetapkan oleh Kerajaan khususnya mengenai bahasa isyarat. Kanak-kanak yang cacat pendengaran ini akan menghadapi masalah jika memasuki sekolah-sekolah Kerajaan. Dan oleh kerana itu di dalam usaha ataupun di dalam konteks kita memberi perhatian kepada orang-orang cacat, kanak-kanak cacat pendengaran ini, maka perlulah satu Undang-undang khas diwujudkan supaya mereka yang kurang bernasib baik ini akan terus mendapat perhatian daripada Kerajaan dan dapat dibela nasib mereka.

Tuan Pengerusi, setakat itulah sahaja dan saya ucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi.

3.48ptg.

Tuan Tan Kok Wai (Sungai Besi): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 241 Maksud B.54, Butiran 010100 Pentadbiran dan Kewangan mengenai pentadbiran rumah-rumah kebajikan orang-orang terencat akal.

Saya ingin menarik perhatian Dewan tentang masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak terencat aka! dan keluarga mereka di Malaysia kerana mereka yang terencat akal ini tidak boleh menyuarakan masalah mereka. Golongan terencat akal ialah satu golongan manusia yang malang, atau kurang bernasib baik dan mereka amat memerlukan bantuan dan pertolongan Kerajaan. Perhatian Kerajaan dan program kebajikan untuk mereka setakat ini jauh dari memuaskan dan golongan terencat akal dan keluarga mereka sangat-sangat mengharapkan Kerajaan berbuat sesuatu yang lebih berfaedah kepada mereka bagi mengatasi keadaan kesusahan mereka.

Setakat ini tidak ada banciaan yang lengkap dan teratur tentang jumlah orang-orang yang terencat akal di seluruh negara. Sehingga 30hb September, 1985, hanya 4,760 orang yang didaftarkan dengan Kementerian Kebajikan Masyarakat. Jumlah sebenarnya barangkali berjumlah 80,000 atau lebih, yang mana lebih daripada 50,000 orang adalah di bawah umur 18 tahun.

Terdapat keperluan yang segera untuk membina lebih banyak rumah-rumah kebajikan. Pada masa ini terdapat tidak lebih 10 buah pusat pemulihan untuk mereka di seluruh negara. Kebanyakan pusat yang ada tidak mempunyai kakitangan yang cukup. Keadaan ini terjadi di Taman Sinar Harapan dan Kuala Kubu Bharu.

Bilangan kakitangan yang ada sekarang seramai 40 orang, perlu ditambah sebanyak tiga kali ganda dengan tujuan untuk memberi perhatian dan rawatan yang secukupnya kepada 195 orang penghuni. Hanya 50 orang daripadanya adalah bergerak. Tambahan diperlukan lagi sekurang-kurangnya 10 tenaga paramedic, child psychologist, speech therapist, physiotherapist, occupational therapist, special educationist untuk melatih kakitangan dan memberikan rawatan yang cukup kepada penghuni.

Pada masa ini terdapat hanya seorang special educationist dan pembantunya akan bertugas dalam bulan Disember ini. Pertambahan bilangan kakitangan terlatih adalah sangat mustahak disegerakan dalam semua rumah kebajikan kerana mereka merupakan penghubung kepada orang-orang terencat akal. Dengan lebih ramai kakitangan terlatih orang-orang terencat akal boleh menerima rawatan yang baik dan dorongan yang positif.

Kakitangan yang ada di Taman Sinar Harapan tidak boleh dipersalahkan kerana ketidakcekapan mereka, kerana sebab yang sebenarnya ialah kekurangan kakitangan.

Terdapat juga keperluan segera untuk membuka lebih banyak pusat rawatan harian bagi kes-kes terencat akal dari jam 7.30 pagi hingga 6.00 petang yang mana ibubapanya tidak berdaya atau tidak mampu menghantar anak-anak mereka ke pusat-pusat pemulihan, hanya terdapat satu pusat dikendalikan oleh pertubuhan sukarela sahaja yang ada sekarang.

Beberapa buah sekolah yang ada sekarang menghadapi masalah yang serupa iaitu kekurangan guru-guru terlatih. Meskipun Kerajaan mempunyai rancangan untuk melatih guru-guru untuk murid pekak dan bisu, tetapi tidak ada apa-apa program

untuk melatih guru-guru bagi murid-murid terencat akal.

Di samping itu pada masa ini tidak ada program Kerajaan untuk membantu ibubapa dan penjaga yang mempunyai anak-anak kecil atau bayi yang terencat akal. Satu program pemulihan awalan yang menyediakan pelawat-pelawat terlatih yang membuat lawatan ke rumah-rumah keluarga dengan tujuan untuk melatih ibubapa atau penjaga kepada kanak-kanak cacat amatlah dikehendaki.

Tambahan pula beribu-ribu orang dewasa terencat akal yang tidak menerima pelajaran dan boleh melakukan kerja-kerja yang ringan. Dalam hal ini penjaga mereka yang sudah berumur merasa bimbang tentang masa depan anak-anak mereka sekiranya mereka meninggal dunia.

Bengkel-bengkel penghuni boleh menyediakan satu jawapan kepada keperluan ini. Terdapat beberapa buah bengkel di seluruh negara dan kebanyakannya dibuka sejak 10-15 tahun lalu.

Tuan Pengerusi, masalah orang-orang terencat akal adalah merupakan satu masalah sosial di negara ini yang perlu diatasi segera. Biasanya penyakit mereka dikaitkan dengan kepercayaan tahyul dan ini dianggap sebagai, dengan izin, social stigma. Akibatnya beribu-ribu orang terencat akal baik tua dan muda adalah menjadi banduan dalam rumah mereka. Soal-soal berikut perlulah dijawab dengan segera:

- (i) Bilakah Kerajaan bercadang untuk membuat bancian ke atas golongan terencat akal di seluruh negara sebab tidak ada perancangan boleh dibuat sehingga angka yang tepat diketahui?
- (ii) Apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk menambah bilangan kakitangan, baik yang layak

atau tidak layak dalam pusat-pusat pemulihan yang ada sekarang?

- (iii) Adakah rancangan untuk membina lebih banyak pusat-pusat pemulihan untuk kes-kes terencat akal?
- (iv) Apakah cadangan yang sedang dibuat untuk melatih guru-guru bagi murid-murid yang terencat akal?
- (v) Adakah apa-apa rancangan dibuat untuk membuka pusat rawatan harian bagi golongan terencat akal?
- (vi) Apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk melaksanakan program pemulihan awalan?
- (vii) Berapakah peruntukan yang disediakan bagi menubuhkan bengkel-bengkel bagi melatih orang-orang dewasa yang terencat akal?

Sekian, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

3.55 *ptg.*

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Pengerusi, izinkan saya menarik perhatian Tuan Pengerusi kepada muka surat 241 dan juga muka surat 242 dan 243. Saya ingin bercakap mengenai masalah pentadbiran dan kewangan.

Tuan Pengerusi, setelah saya meneliti anggaran peruntukan yang disediakan bagi Kementerian Kebajikan Masyarakat untuk tahun 1987 adalah didapati bahawa Maksud P.54 hanya dicatatkan sebagai token \$100 sahaja. Ini membawa erti bahawa Kerajaan tidak meletakkan keutamaan dari segi pembangunan kebajikan, walhal perkara-perkara yang

melibatkan pembangunan dari segi kebajikan sangat banyak yang masih belum dilakukan lagi.

Perkara kebajikan tidak boleh dipandang sepi kerana kesejahteraan negara bergantung kepada kebajikan rakyat. Dengan token sahaja membayangkan seolah-olah Kerajaan tidak mementingkan berbagai projek kebajikan yang hendak dilaksanakan.

Buat masa ini negara kita sedang menghadapi berbagai masalah sosial sebagai kesan dari kemelesetan ekonomi yang melanda negara sekarang, seperti masalah pengangguran, pemberhentian kerja beramai-ramai dan kemiskinan rakyat, hanya menerusi usaha-usaha kebajikan sahaja kita boleh membantu rakyat yang berada dalam himpitan kemelesetan ekonomi.

Saya merujuk kepada Butiran 010300—Pentadbiran Pencegahan. Di atas perkara ini saya ingin menarik perhatian Kementerian yang berkenaan kepada masalah ataupun soal pengemis di Bandaraya Kuala Lumpur.

Seperti termaklum, Kuala Lumpur adalah ibu negara Malaysia dan sebagai ibu negara kita mahukan Kuala Lumpur berada dalam keadaan bersih dan indah, bukan sahaja jauh dari segala sampah sarap, pencemaran tetapi juga bersih dari pengemis-pengemis dan kuturayau. Kehadiran mereka dalam Bandaraya Kuala Lumpur adalah mencemarkan keindahan Kuala Lumpur dan pengemis-pengemis ini jika dilihat mereka datang, bukan sahaja dari kawasan tempatan, tetapi juga datang dari luar negeri. Oleh itu, saya mengalu-alukan tindakan untuk membersihkan pengemis-pengemis dari Kuala Lumpur. Pada masa yang lalu terdapat usaha-usaha pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat dan lain-lain pihak, lain-lain agensi

menjalankan tangkapan ke atas pengemis-pengemis yang berkeliaran di Kuala Lumpur.

Pada suatu ketika dahulu kita lihat Kuala Lumpur bersih sekejap dari pengemis-pengemis, tetapi sejak akhir-akhir ini tidak ada tangkapan pengemis dibuat lagi. Apakah yang sudah berlaku kerana pada hari ini pengemis-pengemis itu boleh dilihat ada di sana sini dan sekiranya tindakan dapat dibuat, diambil terhadap pengemis-pengemis itu, saya berpendapat bahawa sebanyak tiga-empat lori yang boleh memuatkan pengemis yang boleh ditangkap iaitu yang berkeliaran di Kuala Lumpur. Seramai 100-200 orang pengemis dan kuturayau yang terdiri dari pengemis tempatan dan asing boleh diberkas di sekitar Kuala Lumpur.

Di samping itu Kerajaan mestilah membina banyak lagi Pusat Bina Diri atau pemulihan pengemis di seluruh negara bagi menampung atau menempatkan jumlah pengemis yang ditangkap dan yang bertambah ramai sekarang. Pusat Bina Diri di Mersing sekarang hanya boleh memuatkan seramai 440 orang pengemis sahaja. Ini tidak sekali-kali mencukupi.

Kalau kita ingin menjaga imej negara kita di mata luar, terutama para pelancong asing yang berkunjung ke negara kita, maka ini merupakan langkah yang kita mesti lakukan untuk menjaga imej.

Saya ingin merujuk kepada Butiran 020200, Perkhidmatan Orang Cacat. Saya ingin bertanya kepada Kementerian yang berkenaan berhubung dengan kempen pendaftaran orang-orang cacat yang dilancarkan tidak lama dahulu. Saya hendak bertanya, sejauh manakah pendaftaran telah dijalankan dan apakah program yang telah diatitkan untuk membantu mereka yang malang ini. Sejauh yang kita dapati, pada masa ini orang-orang cacat menghadapi masalah untuk mendapatkan tempat

perniagaan jika dibandingkan dengan orang-orang bukan cacat. Umpamanya dalam Wilayah Persekutuan, seorang peniaga cacat sangat sukar untuk mendapatkan sebuah gerai atau kedai untuk menjalankan perniagaan, walaupun mereka berupaya menjalankan perniagaan. Oleh itu saya mengesyorkan bahawa pihak Kerajaan hendaklah mencari jalan bersama-sama dengan pihak berkuasa tempatan yang lain supaya masalah peniaga cacat sukar mendapatkan gerai atau kedai untuk perniagaan dapat diatasi dan tidak timbul lagi.

Jadi sekarang saya ingin menarik perhatian Dewan kepada 020300, Perkhidmatan Akhlak. Dayabumi ialah sebuah menara yang indah di Kuala Lumpur, menjadi tempat kunjungan orang ramai termasuk para pelancong. Malangnya yang mencacatkan imej Kuala Lumpur ialah kerendahan moral atau akhlak anak-anak muda yang masih bersekolah yang suka berpoya-poya atau berasmara di tempat-tempat yang dianggap sulit tetapi terbuka pada pandangan orang ramai. Mereka inilah yang menyebabkan orang ramai malu dan segan untuk berkunjung ke Dayabumi. Akibatnya banyak perniagaan dalam bangunan itu telah merosot. Kita tidak boleh biarkan hal ini berterusan sahaja, bukan sahaja di Dayabumi ini, tetapi juga di kompleks-kompleks membeli-belah yang lain. Kementerian yang berkenaan hendaklah mengambil langkah yang segera untuk menjalankan satu operasi yang sesuai bersama-sama dengan Jabatan Pelajaran, Jabatan Agama dan lain-lain agensi untuk bertindak ke atas anak-anak muda yang masih bersekolah atau yang ponteng sekolah yang menunjukkan akhlak yang buruk di khalayak orang ramai.

Mengenai Butiran 010100, Pentadbiran dan Kewangan, saya ingin melahirkan rasa penghargaan kepada Pengarah dan kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah

Persekutuan yang telah bertungkus-lumus dan memberikan perkhidmatan yang baik kepada orang ramai sepanjang beberapa tahun yang lalu. Meskipun Jabatan itu kekurangan kakitangan berbanding dengan beban kerja yang lebih banyak dari negeri-negeri lain di seluruh negara, tetapi mereka telah menunjukkan kerja yang baik dan cekap kepada masyarakat. Saya harus mengambil kesempatan ini untuk mencatatkan perkataan "syabas" kepada mereka dan di samping ini, saya berpendapat bahawa sebagai Jabatan yang dianggap penting dalam Wilayah Persekutuan, maka pihak Kementerian haruslah memberikan perhatian untuk menambah lagi kakitangan-kakitangan yang sesuai dan perlu bagi meringankan beban tugas pegawai-pegawai yang ada. Sekian, terima kasih.

4.05 ptg.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib (Sabak Bernam): Tuan Pengerusi, saya bangun bagi membahaskan Maksud Bekalan 54—Kementerian Kebajikan Masyarakat. Mula-mula saya ingin menyentuh tentang Butiran 010000, Program 010100, Pentadbiran dan Kewangan.

Tuan Pengerusi, Kementerian Kebajikan Masyarakat pada masa kini telah banyak memberikan bantuan kewangan kepada golongan-golongan yang tidak bernasib baik. Adalah diucapkan syabas kerana Kementerian ini telah mengambil berat kepada masyarakat atau rakyat yang tidak bernasib baik ini di mana bantuan diberikan sama ada kepada mereka yang susah, mereka yang miskin, yang tidak bernasib baik, termasuklah wanita-wanita yang menderita dan janda yang susah dan sebagainya, semuanya diambil kira dan telah diberikan bantuan oleh pihak Kementerian yang berkenaan.

Justeru itu saya ingin menambah kepada beberapa perkara lain yang perlu diambil perhatian oleh Kementerian ini, umpamanya bantuan-bantuan hendaklah juga diberikan kepada bencana alam seperti banjir yang berlaku sekarang. Bantuan juga perlu diberikan kepada mangsa ribut, termasuklah rumah yang runtuh ataupun rumah yang ranap dipukul ribut ataupun dihempap oleh pokok kelapa dan sebagainya. Saya kata begini kerana terdapat baru-baru ini Jabatan Kebajikan Masyarakat yang tidak memberikan bantuan ini kepada mereka yang menimpa kemalangan, apabila rumah mereka dipukul ribut atau ranap di pukul oleh pokok kelapa. Justeru itu saya memohon kepada Kementerian berkenaan supaya dapat melaksanakan skop pembefian bantuan ini kepada mereka yang malang yang tidak bernasib baik dan juga kepada mereka yang tidak berkeupayaan.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh kepada Butiran 020100 iaitu Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak. Memanglah Kementerian ini banyak memberikan bantuan kepada kanak-kanak termasuk kanak-kanak yang dalam bangku persekoiahan bagi membiayai alat-alat persekolahan sama ada pakaian juga perbelanjaan-perbelanjaan lain seperti mereka yang tinggal di sekolah berasrama diberikan bantuan kewangan, bayaran asrama, bayaran tambang-menambang berulang-alik daripada rumah ke sekolah termasuk juga, saya difahamkan, pemberian kepada pembelian alat-alat bacaan, termasuk kaca-mata dan sebagainya. Jadi kita merasa bangga dengan bantuan yang diberikan oleh Kementerian ini dan juga bantuan-bantuan yang diberikan kepada orahg-orang susah seperti fakir miskin.

Apa yang saya ingin sarankan di sini bahawa satu lagi jenis atau kumpulan mereka yang malang yang tidak

bernasib baik ialah kumpulan anak-anak yatim. Anak-anak yatim ini adalah mereka yang telah kehilangan ibu bapa mereka atau ibu mereka atau bapa mereka. Mereka yang tidak ada ibu bapa yang masih kecil ini dipanggil anak yatim dan perlulah diberikan perhatian dan bantuan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat ini. Kerana itu saya suka menyarankan supaya kalau boleh di tiap-tiap daerah, ataupun sekurang-kurangnya di tiap-tiap negeri yang berkenaan diadakan rumah khas untuk anak-anak yatim kerana mungkin selama ini ianya belum wujud lagi. Apa yang saya tahu pihak orang awam, sama ada pertubuhan-pertubuhan tertentu ada mengambil inisiatif untuk mengadakan rumah anak-anak yatim ini bagi menolong kepada mereka yang kurang bernasib baik ini. Jadi perkara ini tidak boleh dibiarkan berterusan dan sudah sampai masanya Kementerian ini mestilah mengambil suatu usaha untuk meluaskan bidang Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak ini dengan mewujudkan rumah khas kepada anak-anak yatim ini.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Butiran 020300 iaitu Perkhidmatan Akhlak. Saya suka menyarankan supaya dengan peruntukan \$8,585,800 ini, kalau boleh, biarlah Kementerian ini dapat membina Pusat-pusat Pemulihan Akhlak bagi menambahkan pusat-pusat yang ada Pembinaan pusat akhlak ini adalah sangat penting, khususnya bagi wanita-wanita yang tinggal di kawasan-kawasan perbandaran ini yang terdedah kepada banyak perkara yang kurang baik dan ini memerlukan kepada perhatian, terutamanya mereka yang tinggal di pusat ini hendaklah diberi latihan latihan yang berunsur keagamaan yang lebih banyak lagi, kerana dengan faktor agama yang mendalam dan penghayatan kepada agama Islam, mudah-mudahan wanita-wanita yang tinggal di Pusat-pusat Pemulihan Akhtak ini akan menjadi manusia yang

baik dan boleh berdikari bila sampai masanya nanti.

Kepada Butiran 020000 Perkhidmatan Orang Cacat, saya juga seperti pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain menyeru kepada Kementerian ini supaya memberikan perhatian dan kebajikan yang lebih kepada orang-orang cacat ini. Saya menyokong langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian ini pada masa-masa yang lalu yang telah menahan, menangkap dan cuba mengumpulkan orang-orang cacat ini jangan berkeliaran di pusat-pusat bandar yang boleh memalukan negara kita ini, seolah-olah kita membiarkan mereka berkeliaran tanpa kawalan. Jadi, kepada orang-orang cacat yang kita sebutkan itu, saya sangat sukacita kalau boleh biarlah ditempatkan mereka dan jangan dibiarkan berkeliaran sebagai pengemis-pengemis, kadangkala digunakan oleh orang-orang tertentu sebagai alat untuk mengutip bantuan-bantuan dan sebagainya. Kalau ini berlaku, saya menyeru kepada Kementerian yang berkenaan supaya terus mengambil tindakan dan jangan membenarkan keadaan ini berterusan.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada perkara yang lain, muka surat 242 iaitu dalam Perkhidmatan Pembangunan Sosial, Butiran 030200 dan 030100. Di sini saya suka menyarankan bahawa khusus bagi mereka yang bekerja di Kuala Lumpur ataupun di pusat-pusat bandar dimana perkhidmatan sosial ini yang saya tekankan kepada pekerja-pekerja yang bekerja, sama ada di bidang kalangan swasta, Kerajaan dan sebagainya, kalau boleh pekerja-pekerja ini biarlah tinggal ditempatkan satu bangunan khas, khusus yang tinggal di Kuala Lumpur ini untuk keselamatan dan juga untuk tempat tinggal mereka yang lebih selesa, lebih terjamin patut diwujudkan dari segi dicentralisedkan, dengan izin, supaya mereka ini dapat tinggal setempat, sama ada rumah itu disewa oleh swasta

di mana boleh ditempatkan pekerja-pekerja mereka. Dengan ini bolehlah pihak yang berkenaan itu mengawasi tempat tinggal mereka ini menjaga keselamatannya dan yang lebih pentingnya mungkin ibubapa mereka yang tinggal di kampung berasa senang, berasa lega dan tidak bimbang bila menghantar anak-anak mereka bekerja di pusat-pusat bandar, terutamanya di kilang-kilang ini, maklumlah kerja tidak tentu masa, kadang-kadang kena kerja tengah malam hingga ke pagi dan bila balik, mungkin merisaukan ibubapa.

Dengan itu saya menyarankan kalau boleh, sama ada pihak Kerajaan menerusi Kementerian ini mengadakan rumah tempat tinggal khas bagi pekerja-pekerja ini dan juga sektor swasta mesti turut sama menyokong rancangan ini, mudah-mudahan dengan adanya penempatan ini boleh mengatasi masalah-masalah sosial yang lain, sama ada masalah keruntuhan moral dan sebagainya. Di rumah ini patutlah diberi pengawasan dan jagaan yang baik, tentulah keluar-masuknya akan sentiasa diawasi dengan ada pekerja-pekerja yang khas. Dan di samping mereka tinggal di sini, boleh pihak yang bertanggungjawab tentang bangunan ini juga mengawasi dan memberikan pelajaran-pelajaran tambahan, sama ada untuk pelajaran-pelajaran yang berkaitan dengan kemahiran kerja mereka bagi meningkatkan produktiviti mereka sendiri, di samping boleh juga diadakan kelas-kelas bimbingan, semangat dan juga kelas-kelas agama bagi mereka memahami, mendekati dan menghayati agama itu lebih dekat lagi. Mudah-mudahan dengan cara ini akan dapat mengatasi masalah-masalah kerosakan moral yang berlaku di kalangan belia-belia kita, khususnya kepada anak-anak muda kita yang apabila berhijrah ke bandar yang terdedah dengan berbagai-bagai elemen dan ini mungkin dapat diatasi.

Jadi itu sahaja, Tuan Pengerusi, pandangan saya mengenai Kementerian ini. Saya menyokong.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

4.17 ptg.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Tuan Pengerusi, benarkan saya membincangkan sama perkara P.54, muka surat 241, Butiran 010100

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Muka surat, Yang Berhormat?

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Muka surat 241, Butiran kecil 010100 mengenai Pentadbiran dan Kewangan. Kementerian ini dinamakan Kementerian Kebajikan Masyarakat. Dari sudut Islam, kebajikan adalah lawan kepada kemunkaran. Kebajikan mestilah bersih dari segala gejala negatif. Setahu saya Kementerian ini telah diberi peranan untuk mentadbirkan keuntungan perolehan Lembaga Loteri Masyarakat. Lembaga Loteri itu sendiri adalah di bawah pengaruh dan pemerhatian Kementerian. Loteri ini sendiri adalah judi. Judi adalah satu kemunkaran. Kementerian ini bertanggungjawab untuk memulihkan masa ketidakadilan dan sekaligus adalah untuk mencegah hal yang negatif tadi, tetapi di satu pihak, ia menggalakkan satu perbuatan yang boleh mendatangkan keuntungan. Bagaimana Kementerian ini dapat memulihkan masa kemunkaran, sedang mereka disara, antaranya dengan wang yang dipungut secara yang tidak betul, galakan kepada judi ini terlalu hebat, hadiah loteri ini sudah meningkat, pemenang utamanya sudah \$1 juta dan cabutannya dua kali sebulan.

Sebelum Islam dicatatkan sebagai agama rasmi di zaman penjajah dahulu, hadiahnya tidaklah begitu

besar dan cabutannya sekitar 40 hari sekali. Sesudah pimpinan negara diserahkan kepada anak negeri beragama Islam pula, menamakan Islam sebagai agama negara dan mengumumkan Dasar Islamisasi, maka cabutan loteri dikerapkan dan hadiahnya dilipatganda. Apa yang menarik perhatian ialah hadiah loteri ini dinaikkan selepas Pehimpunan Agung UMNO meluluskan usul Pergerakan Pemuda UMNO supaya mengharamkan judi yang sudah pun diharamkan oleh Islam. Nampaknya usaha Ketua Pemuda UMNO untuk mengharamkan judi telah dipersendakan oleh Kementerian ini.

Tuan Pengerusi, betapa wang keuntungan loteri ini tidak mendatangkan kebajikan boleh kita kaji dari pemberian keuntungan wang loteri kepada sekolah-sekolah agama rakyat. Ketika negara mula-mula mencapai kemerdekaan dahulu petua dibuat untuk menghalalkan wang loteri itu bagi digunakan untuk membantu sekolah-sekolah agama. Walaupun ada bantahan-bantahan, Perdana Menteri pada ketika itu sanggup menanggung dosa kiranya berdosa. Apakah untung bersikap demikian? Saya tidak mengerti, tetapi perhatian semua sekolah agama yang menerima wang loteri itu telah runtuh imej dan keasliannya, antaranya ditutup, antaranya tidak lagi mampu mengeluarkan orang alim, antaranya menjalankan kelas dan pelajaran akademik semata-mata, roh sebagai sekolah agama telah pudar. Antara sekolah yang cacat akibat menerima wang ini ialah sekolah yang dikendalikan oleh datuk dan ayah Menteri Pertahanan sekarang, dahulunya sekolah atau pondok di Kepala Batas itu mengeluarkan tokoh-tokoh agama, sekarang tidak kedengaran namanya. Wang loteri itu dengan ini tidak mendatangkan kebajikan dan kalau Kementerian ini mentadbirkan keuntungannya, maka bagaimana ia layak menggunakan nama kebajikan.

Tuan Pengerusi, di bawah urusan Pentadbiran ini juga saya menyentuh soal bantuan kepada orang susah atau kalau diteliti dari Butiran 020100 Butiran-kecil 020100 mengenai Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak. Dicatatkan prestasi aktiviti perkhidmatan itu terdapat kes orang papa, bantuan guaman dan sebagainya, orang yang tak berada, papa atau fakir yang memerlukan bantuan, kemudian ada di mana-mana dalam negara kita ini. Penyelewengan telah berlaku apabila pentadbiran Jabatan Kebajikan dipengaruhi oleh orang-orang UMNO. Di Kelantan, termasuk di Pengkalan Chepa iaitu kawasan saya, orang-orang yang berharap mendapat bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat terlebih dahulu mesti diluluskan oleh pemimpin-pemimpin UMNO tempatan. Penyokong Pembangkang yang layak mendapat bantuan tidak akan diberi bantuan selagi tidak disokong oleh UMNO dan UMNO pula memberikan sokongannya sesudah masuk borang UMNO dahulu. Untuk mendapat bantuan kebajikan dari Kementerian ini nampaknya sama sahaja seperti hendak mendapatkan subsidi baja. Diskriminasi inilah yang mesti dibetulkan oleh Kementerian dan saya kira diskriminasi ini mudah dibuktikan sekiranya Badan Pencegah Rasuah bebas dan aktif.

Sekarang bencana alam sedang berlaku di negeri Kelantan.

Tuan Pengerusi, Pantai Timur kita tahu setiap tahun dibanjiri oleh bah dan sekarang rakyat Kelantan sedang menghadapinya. Saya tidak menegur peruntukan dan bantuan yang disediakan oleh Kerajaan, tetapi cara pelaksanaan yang sentiasa berlaku di Kelantan itu menyebabkan timbul berbagai-bagai masalah terutama sekali perpecahan. Puncanya ialah hasil daripada diskriminasi. Oleh sebab itu, saya mengingatkan Kementerian ini supaya untuk masa-masa akan datang dengan peruntukan yang sedia

ada itu hendaklah dilaksanakan dengan betul dan adil, jangan lagi hendak memilih bulu atau sebagainya; lebih-lebih lagi orang yang benar-benar perlu kepada bantuan dan kebajikan dan kalaulah Kerajaan tidak mengatasi peristiwa seperti ini, maka susah untuk kita melihat kebaikan di kalangan orang-orang kampung sendiri dan saya percaya akan datang ini

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Peter Chin Fah Kui): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada yang bangun. Boleh beri jalan atau tidak?

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Boleh.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Saya harap apa Yang Berhormat sebutkan tadi mengenai diskriminasi-diskriminasi dari segi memberi bantuan kepada orang-orang yang meminta bantuan di Kelantan, jikalau sebenarnya ada proof mengenai apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, saya hendak tahu adakah dia mempunyai proof atau tidak mengenai hal-ha! itu?

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Saya berterima kasih di atas kesanggupan itu, tetapi hari ini saya tak boleh buktikan. Saya ceritakan itu dari apa yang sudah lepas. Insya Allah, kalau pihak Kerajaan sanggup, saya akan kemukakan kenyataan.

Tuan Pengerusi, masalah penyelewengan ini sebagaimana yang saya bangkitkan masalah subsidi baja dahulu maka begitulah masalah bantuan orang papa, orang miskin dan sebagainya. Mereka yang benar-benar layak untuk mendapat bantuan tetapi tidak dapat kerana banyak sekatan-sekatan dan mereka yang tidak layak dan patut mendapat, mereka itulah selalunya diutamakan; lebih-lebih lagi masalah banjir. Bila tamat banjir

Kerajaan membuat gerakan mendaftar, menyenaraikan butir-butir bencana. Maka di waktu itulah mereka pun mengambil kesempatan yang mana yang tidak patut mendapat, akan dapat dan yang benar-benar patut mendapat—mereka terbiar. Akhir sekali timbul berbagai-bagai masalah yang membawa kepada perpecahan di kampung. Jadi, kawasan saya adalah sebahagian daripada kawasan pantai yang setiap tahun terlibat. Bukan saya tujukan supaya Kerajaan memberi kepada kawasan saya, tetapi tanggungjawab Kerajaan melaksanakan tugas ini dengan baik. Itu adalah haknya dan orang yang perlu mendapat bantuan mesti dapat.

Tuan Pengerusi, bila diskriminasi ini berlaku, maka ia menambahkan lagi masalah sosial, berlaku keretakan dalam masyarakat yang sekarang disebutkan perpecahan, Matlamat pengertian untuk mengatasi masalah sosial payah hendak dilaksanakan. Orang yang perlu bantuan belum pasti mendapat bantuan dan orang yang wajar dtberi perlindungan belum tentu mendapat pembelaan.

Tuan Pengerusi, benarkan pula saya menyentuh Butiran 020300 mengenai Perkhidmatan Pemulihan Akhlak. Orang-orang yang binasa akhlaknya atas sebab judi, kaki botol, merompak dan menipu tidak termasuk dalam senarai orang yang dapat dipulihkan akhlak oleh Kementerian ini. Orang-orang yang dipulihkan akhlak ini nampaknya kanak-kanak, wanita dan gadis yang terperangkap sebagai pelacur, ibu ayam, pengemis atau menjadi gundek kepada orang besar dan sebagainya. Untuk memulihkan akhlak orang-orang seperti ini mestilah dijalankan oleh tenaga yang mulia pula akhlaknya, tenaga pengelolanya mesti dipastikan berakhlak mulia, orang yang digunakan mesti datang dari sumber yang halal, institusi-institusi sendiri mestilah bersih dari kegiatan dan jelas moralnya. Saya kira di sinilah peranan yang patut . . .

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran); Satu minit lagi, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: . . . ditumpukan oleh tenaga dakwah. Kalau satu urrit pentadbiran Jabatan Agama Islam ditumpukan kepada pemulihan akhlak akan lebih berkesan, sejauh mana peranan yang diberikan perhatian, sejauh mana tenaga pendakwah diajak berunding untuk menghadapi masalah penyakit masyarakat ini.

Tuan Pengerusi, semua kita tahu dan mungkin Kerajaan sendiri sedar tentang keruntuhan negara adalah berpunca daripada keruntuhan akhlak, tetapi hari ini kita nampak terutama sekali dalam negara kita moral masyarakat, moral generasi muda tak dapat dikawal. Ini menunjukkan ada kelemahan-kelemahan yang wujud dalam Kerajaan sendiri. Dengan sebab itu, saya mengingatkan Kerajaan supaya untuk melihat generasi akan datang dan untuk membentuk masyarakat ke arah akhlak yang tinggi haruslah Kerajaan memberi perhatian berat dan membuat peruntukan yang cukup, mudah-mudahan apa yang dicita-citakan oleh Kerajaan itu insya Allah akan dapat dilaksanakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Dijemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

4.27ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mewakili Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat menggulung perbahasan mengenai peruntukan Anggaran Perbelanjaan bagi tahun 1987 kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat.

Terlebih dahulu saya suka mengucapkan terima kasih kepada

semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan atas dasar am perbelanjaan serta syor-syor terhadap beberapa perkara di bawah tanggungjawab Kementerian saya.

Saya tidaklah bercadang untuk menjawab semua perkara yang telah dibangkit atau ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, saya suka mengambil kesempatan untuk menyatakan dengan ikhlasnya bahawa segala pandangan, teguran-teguran dan syor-syor yang membina itu akan diambil perhatian.

Tuan Pengerusi, di sini saya hendak memberi sedikit penjelasan kepada peruntukan dan perbelanjaan Kementerian saya pada tahun 1987 dan harapan saya melalui penjelasan ini, perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat boleh dapat diberi jawapan-jawapan yang memuaskan. Dasar dan tugas Kementerian saya memang untuk memberi manfaat kepada setiap rakyat negara yang kurang bernasib baik seperti orang cacat, orang tua, anak yatim dan lain-lain. Kementerian saya telah mengadakan berbagai-bagai skim bantuan untuk menolong individu atau golongan yang kurang bernasib baik dan pemberian skim ini adalah berasaskan kepada keperluan asas mereka supaya mereka dapat kehidupan yang lebih baik dan tidak seperti, dengan izin, *outcast of society*.

Tuan Pengerusi, Kementerian saya dan Jabatan Kerajaan sentiasa mengambil berat mengenai masalah yang dihadapi oleh orang-orang cacat, dan dengan izin, *other less-fortunate members of society*.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, beberapa cara perkhidmatan dan kemudahan telah disediakan dan sedang berjalan atau dilaksanakan di setiap negeri. Pihak Kerajaan berharap dapat bekerjasama dengan badan sukarela atau sesiapa sahaja jika ia hendak bekerjasama dan

berkhidmat untuk masyarakat, tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat pun boleh faham apa yang selalu terhad bukan, dengan izin, idea atau cara perkhidmatan dari pihak Kerajaan.

Saya boleh menyatakan yang selalu terhad ialah peruntukan dan pakar-pakar di dalam beberapa bidang perkhidmatan. Oleh sebab itu Kementerian saya sedang melaksanakan satu dasar untuk meninggikan taraf hidup di sekeliling

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada yang bangun, Yang Berhormat dari Pasir Mas.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang menyebutkan tadi masalah kekurangan ialah peruntukan. Tadi saya dengar daripada Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa mengatakan ada diskriminasi sebab setahu saya yang juga daripada Kelantan, banyak juga kemudahan-kemudahan kebajikan yang diminta oleh penyokong-penyokong parti UMNO ataupun Barisan Nasional tidak dapat dipenuhi oleh Kementerian Kebajikan oleh kerana peruntukan. Apakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bersedia menerima maklumat-maklumat yang boleh saya beri bagi membuktikan bahawa ramai di kalangan penyokong-penyokong UMNO yang tidak dapat kemudahan-kemudahan yang saya maksudkan ini dan ada juga penyokong-penyokong PAS yang diberi kemudahan-kemudahan oleh Kerajaan.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas. Memangkah dasar Kementerian saya semasa memberi bantuan-bantuan mengikut dasar yang adil, bukan mencari parti UMNO atau

PAS. Oleh sebab itu saya menyatakan apa-apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa tadi adalah tidak betul.

Tuan Pengerusi, bolehkah saya teruskan?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandaran): Teruskan.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Melalui satu Dasar Pembangunan Sosial, penduduk-penduduk khususnya di luar bandar di mana terdapat kurang infrastruktur adalah dialu-alukan mengambil kesempatan dalam projek-projek yang sesuai untuk meninggikan taraf hidup mereka. Pada masa yang panjang projek-projek seperti ini diharapkan dapat menolong penduduk-penduduk luar bandar meningkatkan taraf hidup dan terus mengurangkan bebanan Kerajaan di segi kebajikan.

Tuan Pengerusi, kebajikan di mana-mana negara memang sangat penting khususnya di dalam sebuah negara yang sedang membangun seperti Malaysia. Kami di Malaysia walaupun tidak memakai sistem "Welfare State", dengan izin, Kerajaan masih memberi beberapa bantuan kemudahan dan peluang untuk rakyat yang meminta pertolongan dari Kerajaan dan di mana sesuai diberi bantuan-bantuan yang diminta oleh seseorang itu. Oleh yang demikian beban Kerajaan memang berat oleh kerana Kerajaan tidak mempunyai apa-apa undang-undang cukai khas untuk peruntukan wang bagi menjalankan program-program kebajikan. Kerajaan terpaksa menimbangankan sesuatu priority, dengan izin, dan kemudahan memberi peruntukan kepada sesuatu segi kerja kebajikan di peringkat Persekutuan atau Negeri-negeri.

Kami pihak Kementerian Kebajikan Masyarakat memang mengharapkan banyak lagi wang boleh diluluskan untuk membiayai program-program yang dicadangkan itu. Tujuan

dan hasrat Kementerian saya ialah supaya memberikan peruntukan wang yang besar supaya priority yang saya sebutkan tadi dapat diteruskan dan sepertimana juga Ahli-ahli Yang Berhormat mencadangkan.

Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, peruntukan yang dipohon oleh Kementerian telah dikurangkan sepertimana yang diluluskan oleh Belanjawan yang dibahaskan hari ini. Dengan sebab demikian banyaklah projek khas untuk pembangunan tidak dapat diteruskan di dalam keadaan ekonomi sekarang ini dalam tahun akan datang.

Tuan Pengerusi, anggaran untuk peruntukan Kementerian saya bolehlah dikatakan mencukupi dalam konteks kemelesetan ekonomi pada masa sekarang. Perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan asas di seluruh negara dapat dijalankan tanpa gangguan. Tetapi sepertimana saya sebutkan tadi, peruntukan untuk Belanjawan Pembangunan supaya diadakan lebih kemudahan-kemudahan perkhidmatan sekarang tidak dapat diluluskan sebab ekonomi yang tidak memuaskan.

Di sini, Tuan Pengerusi, saya hendak menjawab beberapa soalan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi. Bagimenjawabsoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Wakil dari Kemaman yang meminta Kementerian Kebajikan Masyarakat mengadakan beberapa rancangan tertentu bagi golongan pondan, sukacita saya memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Kebajikan Masyarakat mengambil ingatan dan perhatian di atas cadangan tersebut. Sebenarnya Kementerian saya telah mengadakan perbincangan dengan wakil golongan pondan ini tentang masalah yang dihadapi oleh mereka. Berhubung dengan ini juga, satu Jawatankuasa

Khas yang terdiri daripada pegawai Kementerian saya dan pakar-pakar untuk mengkaji serta membantu dan mengatasi masalah golongan ini telah diwujudkan.

Ahli Yang Berhormat dari Arau telah meminta Menteri Kebajikan Masyarakat mengadakan rancangan yang teratur bagi kumpulan kanak-kanak pra-sekolah yang di bawah umur 4 tahun. Saya dengan sukacitanya menjelaskan bahawa Kementerian Kebajikan Masyarakat sememangnya menyedari akan pentingnya kanak-kanak di bawah umur 4 tahun mendapat asuhan dan jagaan dan sehubungan dengan ini, satu undang-undang iaitu Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 telah pun diluluskan dan dilaksanakan di seluruh negara. Di antara lain, Akta ini menetapkan piawai umum bagi menjamin keselamatan dan kesihatan kanak-kanak serta menggariskan jenis-jenis aktiviti yang sesuai bagi perkembangan mental, fizikal, sosial dan emosi seseorang kanak-kanak yang berada di dalam jagaan sesuatu taman asuhan kanak-kanak itu.

Kementerian Kebajikan Masyarakat sememangnya akan terus memberi perhatian di dalam perkara-perkara untuk menjamin kebajikan dan kesejahteraan golongan kanak-kanak yang terlibat. Selain dari itu, Kementerian Kebajikan Masyarakat juga telah mengadakan beberapa kursus latihan kepada pengusaha dan pengasuh TASKA yang didaftarkan dengan Kementerian Kebajikan Masyarakat.

Mengenai masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat wakil dari Lembah Pantai, dia mencadangkan supaya diadakan satu undang-undang bagi mendapatkan pekerjaan bagi orang-orang cacat, sukacita saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa perkara ini sedang di dalam perhatian Kementerian Kebajikan Masyarakat,

Walau bagaimanapun, setakat ini Kementerian telah mengambil satu langkah untuk mengadakan dasar pekerjaan bagi orang-orang cacat dan akan mengemukakan perkara ini kepada pihak Jemaah Menteri selepas mendapat pandangan dari Kementerian dan jabatan yang berkenaan.

Berhubung dengan cadangan beliau supaya Kementerian menambahkan kadar bantuan lebih daripada \$50 kepada orang-orang cacat, sukacita saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa perkara ini masih dan sedang di dalam kajian Kementerian saya dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menambahkan bantuan ini apabila keadaan kewangan mengizinkan.

Sehubungan dengan penubuhan Rumah Orang-orang Tua swasta, saya hendak memaklumkan bahawa adalah selaras dengan hasrat Kementerian Kebajikan Masyarakat untuk menggalakkan masyarakat ataupun pertubuhan sukarela, mahupun swasta mengadakan kemudahan-kemudahan di segi penjagaan orang-orang tua. Namun demikian, untuk menjamin kelesaan dan kebajikan orang-orang tua yang berkenaan, sukacita saya memaklumkan bahawa Kementerian Kebajikan Masyarakat kini sedang didalam proses untuk mengadakan satu peraturan yang khusus bagi pengendalian serta pengawalan institusi-institusi swasta dan sukarela.

Ahli Yang Berhormat dari Titiwangsa menimbulkan satu masalah berhubung dengan bahasa isyarat kod tangan bagi orang-orang cacat pendengaran. Sukacita saya memaklumkan kepada Dewan ini bahawa Kementerian Kebajikan Masyarakat sedar di atas masalah di segi perbezaan penggunaan kod tangan yang digunakan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat dan juga badan-badan sukarela. Sehubung

dengan ini, Kementerian Pelajaran telah pun mengadakan satu perjumpaan khusus dengan pihak yang berkenaan supaya penggunaan kod tangan yang digubal oleh Kementerian Pelajaran hendaklah digunakan dengan rasminya oleh semua pihak yang terlibat terutama sekali di segi pelajaran bahasa dan agama. Dengan penerimaan ini, adalah diharapkan bahawa segala kekeliruan yang timbul dapat diatasi demi kebajikan dan kepentingan orang-orang cacat pendengaran di negara ini.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ada banyak lagikah, Yang Berhormat?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Ada dua tiga perkara lagi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Terima kasih. Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi mencadangkan supaya beberapa perkara dilaksanakan oleh Kementerian saya. Di sini saya hendak menjawab secara ringkas satu dua perkara yang ditimbulkan tadi. Mengenai masalah orang-orang terencat akal yang ditimbulkan tadi, pada masa ini Kementerian saya mengendalikan dua jenis institusi untuk mereka yang terencat akal: satu jenis bagi orang terencat akal yang teruk dan satu lagi bagi yang terencat akal yang sederhana. Pihak Kementerian akan merancang untuk mengubahkan kemudahan bagi orang cacat akal dari masa ke semasa. Walau bagaimanapun, pada masa sekarang Kementerian saya telah memperkenalkan satu skim pemulihan secara bercommittee. Dalam pendekatan ini, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat akan mengenalpasti kelompok-kelompok cacat termasuk cacat akal, di mana ibubapa dilibatkan bersama di dalam pemulihan ini. Pada masa ini beberapa

projek printis di Batu Bukit dan Pulau Langkawi telah ditubuhkan dan dijalankan sekarang.

Satu perkara lagi, latihan untuk kakitangan yang bertugas di Pusat-pusat Pemulihan Kanak-kanak Cacat Akal. Dari masa ke semasa Kementerian Kebajikan Masyarakat menghantar kakitangannya untuk latihan dalam bidang jagaan kanak-kanak cacat akal di luar negeri khususnya di negeri Jepun,

Di sini saya hendak menjawab dua perkara yang ditimbulkan dari

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Sungai Besi ada bangun.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Ya, boleh.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Pengerusi, saya harap soalan yang saya bangkitkan tadi dapat dijawab oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Ini sangat penting, sebab apa yang saya tanya tadi ialah sama ada Kerajaan akan menjalankan satu bancian atau census di seluruh negara untuk menetapkan berapa ramainya orang-orang terencat akal di dalam negara ini. Menurut pendaftaran Kerajaan hanya 4,760 orang telah pun didaftar dengan Kementerian pada 30hb September, 1985. Tetapi dari angka-angka yang diestimate oleh badan-badan kebajikan/sukarela, golongan terencat akal di dalam negara ini adalah lebih kurang 80,000 atau lebih ramai. Kalau tiada satu angka yang tepat, Kerajaan memang tidak boleh mengadakan satu rancangan yang baik untuk orang-orang yang kurang bernasib baik ini. Apa yang saya ingin tahu ialah sama ada satu bancian akan diadakan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat sudahlah, bila minta penjelasan, jangan berucap lagi.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi, saya hendak memberitahu bahawa kempen pendaftaran orang-orang cacat akal itu sekarang masih dijalankan. Walaupun kempen pendaftaran dimulakan pada tahun 1985, sekarang pendaftaran itu masih belum habis disiapkan,

Berkenaan dengan angka-angka itu, saya minta maaf oleh kerana di sini saya tidak dapat memberi angka-angka yang tertentu, jikalau Yang Berhormat hendak tahu, saya fikir jikalau Yang Berhormat menulis satu surat kepada saya, saya bertanggungjawab menjawabnya serta memberi angka-angka itu untuk Yang Berhormat.

Yang terhormat dari

Tuan Tan Kok Wai: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, dia bangun lagi.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Pengerusi, apa yang saya ingin tahu ialah sama ada angka-angka ini dikutip dalam bilik Kementerian ataupun banci yang sebenarnya dijalankan.

Untuk makluman Yang Berhormat, ada ramai ibubapa tidak suka masyarakat mengetahui anak-anak mereka adaiyah seorang yang cacat atau terencat akal dan mereka sentiasa mengurung anak-anak mereka di dalam rumah. Mereka di "consider" "prisoners of their own homes". "prisoners of their own homes". Dengan hanya satu bancia terbuka mungkin angka yang tepat boleh didapati.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Terima kasih, saya dapat terimalah pandangan Ahli Yang Berhormat itu. Di sini saya cubalah mengatur jika Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi dapat menolong Kementerian saya untuk mendaftarkan sesiapa juga orang-

orang cacat di kawasan Yang Berhormat, saya

Tuan Tan Kok Wai: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tidak payahlah, saya fikir bukan

Tuan Tan Kok Wai: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat

Tuan Tan Kok Wai: Ini amat penting, sebab adakah

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Kalau dia tidak beri jalan, Yang Berhormat tidak boleh berucap. Itu jelas. Sila duduk Yang Berhormat!

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Pengerusi, tadi dia hendak duduk, tetapi Tuan Pengerusi kata dia tidak beri.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Saya tidak kata begitu. Itu pilihan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Duduk Yang Berhormat!

Tuan Tan Kok Wai: Sama ada golongan-golongan tertentu cacat akal diabaikan

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ini amaran yang akhir saya beri kepada Yang Berhormat. Lain kali saya akan ambil tindakan yang berat. Jangan buat begitu. Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Terima kasih. Ya, saya fikir saya sudah jawab beberapa lama dan sudah hampir habis jawapan saya.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang menimbulkan hal

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada yang minta

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tidak payahlah, saya fikir.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan Yang Berhormat. Yang Berhormat dari Petaling Jaya duduk!

Dr Eng Seng Chai: Sebelum saya berucap lagi, dia sudah kata tidak payah. Bukankah

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat dari Bukit Bintang menimbulkan perkara mengenai pengemis. Di sini saya hendak memaklumkan bahawa pengemis sememangnya akan terus ditangkap; dan Bandaraya Kuala Lumpur akan dibersihkan dari kegiatan pengemis-pengemis ini yang mana ini akan terus dijalankan. Operasi menangkap pengemis di Kuala Lumpur adalah dijalankan dari masa ke semasa oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan.

Walaupun usaha terus dijalankan namun pengemis dari kawasan-kawasan luar terus datang untuk mengemis di Kuala Lumpur. Oleh kerana ini usaha akan terus dijalankan untuk membersihkan Kuala Lumpur dari kegiatan seperti ini di masa yang akan datang. Saya pun sedar, sebagai sebuah Ibu Kota haruslah Kuala Lumpur ini tidak ada lagi pengemis di dalam bandaraya ini. Dan mengenai Pusat Pemulihan Pengemis

Dr Eng Seng Chai: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Yang Berhormat dari Petaling Jaya ada bangun. Ada beri jalankah atau tidak?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tidak payahlah, saya fikir masih ada atau tiga

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Kalau tidak, cakap tidak, sudahlah Yang Berhormat.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Pengerusi, macam mana mempengerusikan Majlis

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Petaling Jaya, sila duduk! Itu pilihan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Ya, terima kasih, Tuan Pengerusi. Kementerian saya

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, nampaknya sudah terlalu lama berucap, hampir 80 minit. Bolehkah gulungkan?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Ya, kalau Yang Berhormat jangan ganggu saya, saya fikir saya boleh habis ucapan saya dengan cepat.

Tuan Tan Kok Wai: Lama tidak jadi hal

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Baik, terima kasih. Mengenai Pusat Pemulihan Pengemis, di sini saya hendak memaklumkan, ada satu Pusat Pemulihan Pengemis baru yang akan dibuat dalam Rancangan Malaysia Kelima. Pusat ini adalah sama seperti yang ada sekarang di Mersing.

Berhubung dengan masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam mengenai bantuan bencana alam, di sini saya sukacita memaklumkan bantuan bencana alam adalah di bawah

bidang kuasa Kerajaan-kerajaan tiap-tiap negeri. Tetapi apabila sesuatu bencana alam diisytiharkan sebagai bencana negara, pada musim itu Kerajaan Persekutuan dapat memberi bantuan untuk menolong mengatasi masalah-masalah itu.

Mengenai rumah yang dirosakkan musim bencana alam, di sini saya hendak sebutkan memang ada bantuan untuk membaiki rumah itu walaupun bantuan itu tidak boleh terlalu besar, sebab ini bukan satu dua rumah yang diroboh atau dirosakkan.

Yang akhirnya, Tuan Pengerusi, saya hendak ucapkan banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat jikalau ada soalan atau masalah yang saya tidak dapat jawab di sini, saya haraplah Yang Berhormat jangan marah dengan saya. Saya berdiri di sini sudah berapa lama, tetapi saya boleh jamin, masalah-masalah yang telah dibangkitkan tadi memang diambil perhatian berat oleh Kementerian saya.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$49,145,000 untuk Maksud B.54 di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$49,145,000 untuk Maksud B.54 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$100 yang disebutkan dalam Maksud B.54 dalam Anggaran Pembangunan, 1987 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$100 untuk Maksud P.54 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1987.

Maksud B.55 (Jadual)—

Maksud P.55 (Anggaran Pembangunan 1987)—

Tuan Pengerusi (Tuan D, P. Vijandran); Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.55 dan Kepala Pembangunan P.55 di bawah Kementerian Kerjaraya terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Rajang. Teruskan Yang Berhormat.

5.04ptg.

Dr Nicholas Munong Ibau (Rajang): Tuan Pengerusi, Terima kasih kerana memberi saya peluang ini. Di sini saya ingin merujuk kepada muka surat 249, Butiran 04000—Pembinaan Jalan-jalan Raya Besar di Sarawak, Kod nombor 01—Jalan Besar Utama yang diperuntukkan sebanyak \$65 juta.

Tuan Pengerusi, walaupun peruntukan yang begitu besar, peruntukan itu saya rasa juga belum mencukupi untuk membina dan mengetar jalan sepanjang jalan utama dari Kuching ke Miri. Memandang kepada keadaan ekonomi yang meleset sekarang dan untuk memberi kesan yang lebih memuaskan dengan peruntukan yang tidak mencukupi itu, Kerajaan patutlah menjalankan pembinaan mengikut priority supaya lebih panjang jalan yang boleh dibina dengan sempurna. Di sini saya ingin menyentuh kepada kegiatan pembinaan jalan raya di Sarawak yang saya rasa tidak mengambil berat tentang priority.

Tuan Pengerusi, di jalan raya utama di antara simpang jalan ke Binatang dan simpang jalan ke Serikei adalah lama sudah ditar dan diketahui agak memuaskan. Tetapi baru-baru ini jalan yang sudah ditar itu diperbesarkan. Pembinaan pembesaran jalan itu saya rasa tidak mengambil berat tentang priority. Sekiranya tenaga dan belanja yang Kerajaan guna untuk membesarkan jalan itu diperuntukkan kepada membina dan mengetar jalan

yang belum ditar mungkin lebih panjang lagi jalan boleh ditar dengan peruntukan yang belum mencukupi itu. Sesudah semua jalan utama ditar, barulah lebih sesuai dan wajar untuk Kerajaan memperbesarkan jalan yang sudah ditar sekarang.

Yang kedua, saya ingin merujuk kepada Butiran 04000 yang sama. Kod nombor 04 iaitu Jalan-jalan Raya Besar di Sarawak dan juga kepada Butiran 04300 yang bertajuk Jalan-jalan Pembangunan di Sarawak. Kedua-dua Butiran itu diagihkan peruntukan berjumlah \$22,020,000.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya ingin minta Menteri Kerjaraya menerangkan apakah ertinya;

- (i) jalan-jalan pembangunan di Sarawak ataupun jalan-jalan raya yang bertar;
- (ii) di manakah terletakinya jalan-jalan pembangunan itu dan jalan-jalan raya besar;
- (iii) berapakah jumlah jauhnya jalan-jalan pembangunan dan jalan-jalan besar yang memerlukan peruntukan yang begitu besar;
- (iv) adakah perojek yang di dalam Butiran 04300 dan 04100 kedua-dua Butiran itu terletak di kawasan Municipal seperti di Sibü, Miri atau di Kuching ataupun terletak di kawasan sekeliling pekan atau bandar kecil seperti Sri Aman, Saratok atau Serian ataupun terletak di kawasan luar bandar seperti jalan ke Kabong Pusak ataupun Kamaratuang dan sebagainya;
- (v) bagaimanakah Kementerian Kerajaan mendapat justifikasi memberi peruntukan sebanyak \$22,020,000 itu untuk kedua-dua projek di Butiran tersebut oleh kerana peruntukan diberi itu adalah kepada projek yang tidak spesifik.

Tuan Pengerusi, saya bertanya demikian oleh kerana apa yang saya lihat iaitu projek pembinaan pembaikan jalan raya di Sarawak berjalan dengan pesat di kawasan Municipal seperti Sibü, Kuching dan Miri dan juga di jalan raya utama di mana di jalan-jalan raya yang lain seolah-olah jalan itu tidak diambil dengan berat yang menyebabkan ketidakseimbangan pembinaan jalan raya di Sarawak.

Di jalan raya utama, kegiatan itu memang disedari oleh kerana peruntukan diketahui ada. Adakah ketidakseimbangan itu terjadi oleh kerana peruntukan yang besar diberi kepada kawasan Municipal ataupun diperuntukkan ataupun peruntukan yang diberi sepatutnya diberi kepada semua kawasan di peringkat di bandar atau di luar bandar tetapi hanya tumpu lebih banyak kepada projek di bandar yang disebabkan orang di bandar lebih berpengaruh. Saya berharap Menteri berkenaan memberi penjelasan.

Tuan Pengerusi, sekarang saya rujuk kepada muka surat 308, Butiran 43.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Muka surat berapa?

Dr Nicholas Munong Ibau: 308.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Berkenaan dengan apa?

Dr Nicholas Munong Ibau: Berkenaan dengan pembinaan Jalan-jalan Pembangunan di Sarawak, mungkin di Lampiran "L", muka surat 308.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Butiran atau Projek?

Dr Nicholas Munong Ibau: Di muka surat 308, Butiran 43.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Jalan-jalan Pembangunan?

Dr Nicholas Munong Ibau: Ya. Di bawah Jalan-jalan Pembangunan ini kita dapati peruntukan yang disenaraikan adalah di Bahagian Pertama, Bahagian Kedua, sampai ke Bahagian Ketujuh.

Sesudah melihat senarai yang diberi di situ, cuba kita lihat kepada Butiran 51 di muka surat yang sama iaitu Jalan-jalan Besar di Sabah dan Butiran 52 sampai ke Butiran 58. Selepas membuat bandingan, saya amat berpuas hati melihat senarai jalan-jalan yang diberi untuk negeri Sabah oleh kerana senarai yang kita dapat adalah begitu tepat dan ini memberi erti.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Satu minit lagi Yang Berhormat!

Dr Nicholas Munong Ibau: Ini memberi erti, dengan izin, direction ke manakah peruntukan yang kita agih dan rancang di Dewan ini.

Tuan Pengerusi, apabila kita rujuk kembali kepada Butiran 43 itu tadi, kita dapati senarai yang diberi di bawah Jalan-jalan Pembangunan di Sarawak adalah senarai yang mengikut Bahagian, dan senarai yang diberi itu adalah terlalu general, dengan izin.

Tuan Pengerusi, dari apa yang kita faham, agihan yang begitu general hanyalah berdasarkan dengan pusat pentadbiran Bahagian tanpa adanya rujukan ke manakah arah tujuan perbelanjaan itu dikhususkan. Anggaran serupa itu tidak menunjukkan keikhlasan dan profesionalisme Kementerian Kerjaraya, oleh kerana mungkin pada suatu ketika anggaran itu disalahgunakan untuk kepentingan kelompok yang pengaruh ataupun kepentingan politik seorang tokoh yang menjaga satu

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, gulungkan.

Dr Nicholas Munong Ibau: satu projek kawasan itu atau rakan-rakan politik yang berbaik dengannya. Dengan adanya sikap yang demikian berlaku, sudah tentu rancangan-rancangan jalan pembangunan di Sarawak akan bergantung nasib, sama ada suka atau tidak Kerajaan memberi kepada kawasan itu dan adalah bergantung kepada Menteri yang berkenaan atas nasihat orang yang lebih berpengaruh dan bukan berdasarkan kepada keperluan sesuatu kawasan yang memerlukan. Sekian.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pasir Mas.

5.14 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Pengerusi, pertama saya ingin merujuk Maksud P.55 muka surat 248, Butiran 00600, Jalan-jalan raya baru.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Muka surat Yang Berhormat?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Muka surat 248.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Butiran?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Butiran 00600—Jalan-jalan Raya Baru.

Tuan Pengerusi: Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Pengerusi, saya ingin mengetahui daripada pihak Kementerian secara terperinci tentang jalan-jalan raya yang hendak dibina ini dan berapa banyakkah daripada jalan-jalan raya baru yang dicadangkan ini diuntukkan bagi jalan-jalan di luar bandar sesuai dengan jaminan Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa sebahagian daripada 2/3 peruntukan itu adalah untuk luar bandar.

Sehubungan dengan ini juga, saya ingin menarik perhatian pihak Jabatan Kerjaraya dalam membina jalan-jalan raya yang baru. Dari pengalaman kita jalan-jalan yang dibina sekarang ini walaupun kita tahu mungkin ada masalah-masalah teknikal, tetapi kadang-kadang kita lihat jalan-jalan yang dibina ini apabila kenderaan-kenderaan berselisih, kita lihat nyawa pemandu-pemandu itu tidak sampai pun satu kaki, maksudnya kadang-kadang bila selisih itu tak sampai pun satu kaki kenderaan-kenderaan yang berselisih. Jadi saya kira ianya amat membahayakan kepada pengguna-pengguna jalan raya. Sebab itulah kita lihat kadang-kadang apabila turunnya hujan, banyak berlaku kemalangan oleh kerana jalan-jalan yang dibinanya itu tidak begitu besar untuk membolehkan pengguna-pengguna jalan raya mengelak daripada berlakunya kemalangan.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 02100, muka surat 248 juga iaitu Memulih dan Mengganti Jambatan serta Lintasan Keretapi.

Saya tidak tahu di manakah yang dikenalpasti untuk menggantikan jambatan ataupun lintasan keretapi, tetapi saya lihat masalah lintasan keretapi yang memerlukan jambatan masih lagi berselerak di seluruh negara, manakala kita tahu dahulu berbagai tragedi telah terjadi apabila keretapi melanggar kenderaan-kenderaan. Ianya pernah berlaku di Wakaf Baru, Tumpat, Kelantan dan di kawasan Pasir Mas dan malah berlaku juga di negeri-negeri lain. Jadi sudah sewajarnya masalah pembinaan jambatan baru bagi semua lintasan keretapi disegerakan supaya jangan lagi kita menyesal sesudah berlakunya sesuatu tragedi seperti yang pernah berlaku beberapa kali dahulu.

Yang ketiga, saya ingin merujuk kepada Butiran 02400—Jambatan Pasir Mas, Kelantan. Mengenai dengan Jambatan Pasir Mas, Kelantan

sudah lama program ataupun projek ini dicadangkan malah bertahun-tahun lamanya dan paling akhirnya bila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri melawat Kelantan beliau telah membuat pengumuman bersama-sama dengan pegawai-pegawai di peringkat Kerajaan Negeri Kelantan di satu majlis taklimat dan diadakan pula perletakan batu asas bagi membina Jambatan Pasir Mas, Kelantan ini. Tetapi projek ini berkali-kali ditangguh. Saya tidak tahu apakah sebabnya ianya ditangguhkan sesudah beberapa kali kajian-kajian telah dibuat dan banyak kali pengumuman-pengumuman telah pun dibuat. Saya dapat tahu dan mendengar khabar bahawa Jambatan ini akan dibina paling awalnya akhir tahun ini, manakala akhir tahun ini sudah pun tiba, bekas pun saya tidak tahu lagi sejauh mana usaha-usaha hendak membina Jambatan Pasir Mas ini akan berjaya ataupun tidak.

Tuan Pengerusi, oleh kerana batu asas telah pun diletak, rakyat sudah pun mengharapkan dan manakala adanya perhubungan di antara Kelantan Utara dengan Kota Bharu hanya dengan menggunakan Jambatan Sultan Yahya Petra yang sentiasa rosak sepanjang masa dan sekarang ini sudah pun dibaiki, tetapi ianya tidaklah boleh memberi jaminan bahawa kerosakan tidak akan berlaku lagi pada masa depan. Sudah banyak kesusahan yang berlaku dan Jambatan itulah satu-satunya yang menjadi perhubungan di antara rakyat di negeri Kelantan. Oleh sebab itulah saya ingin menggesa janji untuk membina Jambatan Pasir Mas Kelantan ini disegerakan dan dijadikan keutamaan di bawah Jabatan Kerjaraya.

Saya ingin mencadangkan oleh kerana banyak kali pembinaan Jambatan ini tertangguh, saya ingin mencadangkan jika ianya ditangguhkan lagi sesudah beberapa kali tangguh, sama ada Yang Berhormat Menteri Kerjaraya

bersetuju atau tidak, mulai sekarang ini, kalau ianya tidak mulai dibina pada awal tahun depan, bolehkah Yang Berhormat Menteri Kerjaraya berjanji tidak akan mengambil gaji sehingga Jambatan Pasir Mas ini mula dibina, sekurang-kurangnya ada usaha-usaha dibina dengan secepat mungkin.

Saya membangkitkan perkara ini, Tuan Pengerusi, sebab saya tidak mahu lagi perkara Jambatan Pasir Mas ini dipersenda-sandakan oleh golongan-golongan tertentu lebih-tebih lagi pihak pembangkang yang sentiasa cuba hendak memperlecehkan keupayaan Kerajaan kita yang sudah banyak membangunkan negara kita bagi kepentingan rakyat. Tetapi oleh kerana jambatan ini merupakan nadi juga kepada pembangunan keseluruhan negeri Kelantan, saya ingin menggesa supaya ianya tidak ditangguh-tangguhkan lagi. Saya tidak tahu sama ada peruntukan \$10 juta yang diperuntukkan itu mencukupi ataupun tidak, manakala peruntukan yang telah diuntukkan lebih daripada itu.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mencadangkan bagi mempercepatkan proses pengeluaran tender bagi Jambatan Pasir Mas ini supaya ianya dibuat secara rundingan, tidak secara tender terbuka dan ianya diberi kepada kontraktor bumiputera. Kita tahu sekarang ini kontraktor bumiputera sudah pun mampu membina projek-projek bernilai berpuluh ataupun ratusan juta ringgit yang sudah pun berjaya dan kita lihat bukti-buktinya yang nyata.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya ingin merujuk kepada P.55, muka surat 249, Butiran 02800—Memperbaiki, Mengganti dan Menaikkan Taraf Jalan dan Jabatan.

Di sini, Tuan Pengerusi, saya ingin tahu juga daripada jumlah peruntukan yang diperuntukkan di tempat manakah, jalan manakah yang akan diperbaiki, diganti ataupun dinaikkan

taraf jalan dan jambatan. Saya ingin menyarankan supaya program untuk memperbaiki, mengganti dan menaikkan taraf jalan ini ditumpukan juga sebahagian besar di luar bandar sesuai dengan janji peruntukan baru-baru ini dua pertiga untuk pembangunan luar bandar.

Kita lihat bahawa jalan-jalan di kampung sekarang ini masih lagi boleh dikatakan, dibiayai, dijaga ataupun dibuat di bawah peruntukan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Ianya jauh daripada mencukupi lebih-lebih lagi kita lihat sekarang ini kalau di Pantai Timur ataupun negeri-negeri yang kurang maju kita lihat sesudah banjir berlaku seperti sekarang, maka banyaklah jalan-jalan rosak. Sudah barang tentu selepas ini rakyat akan mengalami kesusahan dan ianya juga mempunyai kaitan yang rapat dalam usaha-usaha rakyat untuk membangunkan taraf sosio-ekonomi dan kegiatan-kegiatan seharian mereka. Maka sebab itulah JKR haruslah ataupun Jabatan Kerjaraya wajib memberi tumpuan yang lebih dalam usaha menaikkan taraf jalan-jalan ini bukan sahaja lagi di bandar-bandar ataupun di tempat-tempat tertentu tetapi menumpukan lebih banyak di luar bandar yang kita harap dapat membangunkan rakyat.

Saya agak terkilan dan agak kecil hati sebagai seorang Ahli Dewan Rakyat apabila melihat peruntukan yang diberi oleh Sabah kalau dibandingkan bagi memperbaiki, mengganti dan menaikkan taraf jalan dengan peruntukan untuk membina jalan-jalan raya ataupun jalan-jalan besar di Sabah iaitu Jalan Besar Barat Sabah, Jalan Besar Timur, Jalan raya Timur/Barat Sabah, Jalan Besar di Sabah yang begitu besar sekali peruntukan berbanding dengan pembangunan bagi negeri-negeri di Malaysia Barat terutamanya di Pantai Timur dan juga di utara kita iaitu Kedah, Perlis, Kelantan ataupun Terengganu. Sebab itulah kita percaya

juga dan kita yakin rakyat Sabah seharusnya mula mencelik mata, menyedari betapa Kerajaan Persekutuan memberi peruntukan yang begitu banyak bagi membangunkan negeri tersebut dengan tidak lagi memperkecil-kecilkan peranan Kerajaan Persekutuan, kerana kita dapati, kalau dilihat dari segi perbandingan seperti ini jauhlah negeri di Malaysia Timur mendapat faedah yang lebih banyak kalau kita bandingkan dengan peruntukan yang telah diberi.

Maka dengan sebab itu saya ingin mengesyorkan, mencadangkan supaya usaha-usaha memperbaiki, mengganti dan menaikkan taraf jalan dan jambatan ini oleh JKR haruslah diberi tumpuan kepada jalan-jalan di luar bandar malah jalan-jalan di kampung yang perlu dinaikkan taraf.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, yang saya ingin turut serta mengambil bahagian dalam perbincangan bagi peruntukan Kementerian Kerjaraya dan saya harap apa yang dibangkitkan itu mendapat perhatian yang sewajarnya bukan sekadar jawapan semata-mata.

Sekianlah, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

5,25ptg.

Dr Eng Seng Chai (Petaling Jaya): Tuan Pengerusi, saya bangun membicarakan berkenaan dengan kawasan saya iaitu adalah tanggungjawab Kementerian Kerjaraya, di muka surat 247, Butiran 030000—Bekalan Air, Kod 100—Emolumen.

Baru-baru ini, dua tiga minggu kita ada membaca dalam suratkhbar berkenaan perkara-perkara, masalah-masalah bekalan air di kawasan Petaling Jaya di mana Pengarah Bekalan Air Negeri Selangor pun ada

memberi jaminan semua masalah berkenaan dengan bekalan air dan perkhidmatan kutipan bil-bil akan diselesaikan dalam satu masa yang singkat tetapi setakat hari ini kita dapati ramai penduduk-penduduk Petaling Jaya berkumpul, tiap-tiap hari berbaris sepanjang beratus orang di Pejabat Engineer Daerah Petaling Jaya iaitu di Pejabat Bekalan Air.

Apa masalah penduduk-penduduk itu berbaris ialah kerana masalah bil air mereka. Pengarah Bekalan Air Negeri Selangor mengatakan semua masalah ini timbul semasa ibu pejabat Jabatan Bekalan Air Selangor menggunakan komputer. Mengikut pengalaman kita, sesiapa yang menggunakan komputer akan dapat mengatasi semua masalah dengan cepat. Tetapi inilah satu contoh kecekapan jabatan-jabatan Kerajaan Barisan Nasional di mana ibu pejabat sudah membeli sebuah komputer tetapi telah menimbulkan lebih banyak lagi masalah sehingga hari ini kita tidak dapat mengatasi masalah itu. Setakat hari ini tiap-tiap suratkhbar ada sahaja aduan-aduan daripada orang-orang di kawasan saya dan saya sendiri tidak dapat tidur dengan senang kerana saya dapati ada orang yang dapat bil tunggakan \$300, \$400 beberapa tahun yang lalu tetapi tidak dapat apa-apa notis, sekarang dikehendaki membayar beratus-ratus ringgit bil air mereka.

Kalau mengikut peraturan atau undang-undang bekalan air, sesiapa yang tidak membayar bil, memanglah satu kali boleh dikecualikan, dua kali boleh dikecualikan, tiga kali boleh dikecualikan, jika enam bulan tidak bayar memang bekalan airnya akan dipotong tetapi bekalan airnya masih tidak dipotong. Kalau macam itu, sekiranya ada hutang (arrears) itu bukanlah salah orang yang menggunakan air tetapi itu adalah kesalahan ibu pejabat Jabatan Bekalan Air.

Mengapakah hari ini sesudah menggunakan komputer Jabatan Bekalan Air berkehendakkan pengguna-pengguna air membayar balik arrears mereka jika ini satu kesilapan jabatan bukan orang-orang yang menggunakan air, sebab ia sendiri tidak mengikut peraturannya. Jika ikut peraturannya, memang semua pungutan arrears itu sudah dibuat. Kalau tidak dapat, hari ini kita ada bil tahun 1981, 1982 dan 1983 dan sesudah saya berbincang dengan pegawai-pegawai tertentu dalam Jabatan Bekalan Air tetapi masih tidak dapat kita selesaikan. Dia minta tunjukkan bil, kalau tidak dapat tunjukkan resit, awak kena bayar juga.

Tuan Pengerusi, siapa orang yang ada simpan resit lima enam tahun? Sepatutnya berilah satu keadilan kepada pengguna. Mana ada keadilan kalau awak minta resit lima enam tahun dahulu. Kalau kita hendak beri keadilan, kesitapan itu adalah daripada Jabatan Bekalan Air bukan kesilapan orang tidak simpan resit.

Saya juga ada mencadangkan, sesiapa boleh tunjuk mengikut resit mereka, kalau dia ada bayar selalu, regularly he has been paying, dengan izin, satu dua tahun lepas, awak percaya dia ada membayar bil-bil yang lama itu. Mengapa awak tidak percaya dia, awak percaya kepada komputer? Bila awak hendak gunakan komputer, awak hendaklah memberikan angka-angka, punch in all the facts, all the figures, dengan izin, jika facts and figures tidak betul atau tidak lengkap, tidak up-to-date, macam mana awak boleh salahkan pengguna?

Saya minta satu penjelasan dari Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, saya minta satu public apology bukan satu penjelasan kepada semua pengguna-pengguna air di kawasan saya di Petaling Jaya. Fasal ini adalah kurang kecekapan Kementerian Kerjaraya, bukan satu kesilapan orang yang mengguna air.

Saya tidak akan menyentuh perkara-perkara lain melainkan perkara ini sahaja, sebab inilah satu perkara yang memberi kesulitan, kesusahan kepada beratus-ratus ribu orang dalam kawasan Petaling Jaya dan Puchong. Saya juga bagi pihak Yang Berhormat dari Puchong ada buat aduan hari ini dan saya harap masalah ini akan diatasi pada minggu hadapan dan saya harap tidak ada lagi aduan-aduan daripada mana-mana pihak, dari mana-mana satu pengguna dalam kawasan saya.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

5.31 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai): Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian menyentuh mengenai Kementerian Kerjaraya B.55, muka surat 248, Butiran 00600 Jalan-jalan raya Baru, anggaran sebanyak \$41,700,000 yang diperuntukkan.

Di sini saya ingin menarik pandangan pihak Kementerian Kerjaraya mengenai perhubungan jalan-jalan yang akan saya sebutkan bahawa negara kita memanglah berkehendakkan jalan raya, kemajuan dan pembangunan yang kita harapkan selepas kita mencapai kemerdekaan. Tetapi dalam masalah ini saya mengharap iaitu dalam membuat jalan-jalan baru ini banyak yang terlibat kawasan-kawasan tanah kepunyaan orang-orang Melayu. Sering juga saya membahaskan perkara ini dalam Wilayah.

Tuan Pengerusi, saya sebutkan ini berhubung dengan Kuala Lumpur. Kuala Lumpur ada 94 batu persegi. Tanah kepunyaan orang Melayu hanya lebih kurang 6% yang tinggal. Oleh itu dalam masalah ini, kawasan kepunyaan tanah simpanan orang Melayu iaitu di kawasan Bukit

Segambut, Segambut dan kawasan 8 ekar di Segambut itu akan diambil, akan dibuat jalan raya di kawasan ini yang melibatkan tanah-tanah kepunyaan simpanan orang Melayu kesemuanya akan terlibat bagi projek membuat jalan Klang Valley Expressway, dengan izin, yang akan dijalankan perancangan ini oleh Kementerian. Dalam masalah ini, saya mengharapkan kepada pihak Kementerian, kasihkanlah sedikit tanah-tanah kepunyaan yang sedikit sahaja lagi peninggalan orang tua-tua dahulu di Kuala Lumpur ini supaya jalan yang hendak dirancang ini yang belum dibuat lagi supaya dialih ke tempat lain. Saya rasa banyak lagi kawasan-kawasan tanah yang boleh dilalui jalan yang hendak dimajukan itu.

Saya mengharapkan bukan sahaja di kawasan ini tetapi keseluruhannya jikalau boleh di seluruh negara kita Malaysia ini, kerana itu sahaja tanah-tanah yang tinggal kepada orang-orang Melayu sekarang ini kalau dibandingkan tanah-tanah kepunyaan orang-orang lain.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, P.55 juga Butiran 00700 Pembinaan Lain-lain Jalan Persekutuan dan Jambatan-jambatan. Peruntukan \$18.1 juta. Ini juga hampir-hampir sama sebagaimana yang saya sebutkan tadi. Dengan adanya pembinaan jalan Lebuhraya Persekutuan ini banyak juga tanah-tanah yang akan terlibat, tanah-tanah kepunyaan orang Melayu dan sekarang ini kita lihat untuk membesarkan jalan—10-15 tahun dahulu perancangan telah dibuat, pada masa itu kemungkinannya kita tidak nampak, pegawai-pegawai yang berkenaan tidak nampak 10 atau 15 tahun yang akan datang, berapa banyak kereta yang akan lalu, jajan-jalan umpamanya sekarang daripada Kuala Lumpur ke Ipoh melalui Jalan Kuching. Berapa banyak rumah-rumah yang terlibat—rumah-rumah ini adalah rumah-rumah setinggan yang telah pun dipecahkan

oleh pemaju-pemaju yang membuat jalan ini tanpa membayar apa-apa bayaran kepada penghuni-penghuni yang empunya tanah ini.

Tuan Pengerusi, kita tahu mereka itu bukanlah orang-orang yang senang dan saya mengharapkan supaya pihak Kerajaan ataupun pihak yang terlibat dengan pembinaan ini supaya dapat memberi sedikit sugu hati kepada mereka ini. Bukan itu sahaja ia juga melibatkan tempat-tempat ibadat sama ada rumah ibadat orang-orang Islam, Hindu dan juga orang-orang Cina. Ini juga apa yang saya dapat tahu mereka itu tidak dapat apa-apa pampasan daripada pihak yang berkenaan.

Soal yang lain ialah mengenai pembinaan jalan-jalan yang begitu besar, manusia-manusia yang hendak menyeberang sebelah menyebelah, sekarang amatlah sukar. Lebih-lebih lagi antara Jalan Kuching hingga ke Jalan Ipoh dan dengan adanya jalan besar ini nanti, saya memikirkan kemungkinan banyak jiwa akan mati, jiwa akan melayang dilanggar oleh kereta kerana di jalan itu tidak ada traffic lights atau sebagainya, kerana jalan itu telah dijadikan jalan besar.

Oleh itu saya mengharapkan supaya pihak Jabatan Kerjaraya dapat membuat laluan ataupun lalu-lintas ataupun underground, dengan izin, jambatan atau sebagainya bagi menyenangkan kanak-kanak pergi ke sekolah, orang-orang yang pergi bekerja dan sebagainya untuk lalu-lintas di kawasan-kawasan tersebut.

Ini patut dibuat kerana masalah ini telah terjadi lima enam tahun dahulu iaitu Jalan Highway Kuala Lumpur ke Kelang yang meragut nyawa begitu ramai dengan tidak ada perancangan yang dibuat apabila hendak membuat satu-satu jalan yang hendak dibesarkan.

Oleh kerana jalan itu masih lagi dalam pembinaan, saya mengharapkan

kepada pihak yang berkenaan supaya disediakan juga jalan besar untuk kenderaan, kita juga mesti menjaga ketenteraman ataupun nyawa manusia yang lalu-lintas di situ.

Tuan Pengerusi, sekarang saya beralih kepada P.55 juga muka surat 248, Butiran 01700 Skim Memperbaiki Lalu-lintas Kuala Lumpur/Petaling Jaya yang mana \$3 juta diperuntukkan.

Kita tahu dalam keadaan negara kita ini kesulitan kewangan, ekonomi kita meleset tetapi saya mengingatkan apabila wang kita telah siap nanti, ataupun sekarang dirundingkan dengan pihak Dewan Bandaraya ataupun pihak-pihak yang lain, kerana lalu-lintas Kuala Lumpur/Petaling Jaya ini amat menyedihkan lebih-lebih lagi apabila hari hujan. Kita terpaksa menunggu berjam-jam di jalan untuk menyeberang balik kerana lalu-lintas masih tidak diperbaiki dengan baik terutama apabila hari hujan, jalan-jalan akan dipenuhi oleh air. Apa yang saya dapat tahu sebab-sebabnya ialah di kiri kanan jalan ini tidak ada longkang-longkang yang besar, kerana pada masa memperbaiki jalan itu dahulu hanya dibuatkan longkang-longkang lebih kurang 1 kaki sahaja dalamnya, sedangkan air yang datang begitu besar.

Oleh itu saya mengharapkan bagi memperbaiki bukan sahaja jalan di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya tetapi juga jalan-jalan yang lain dalam Kuala Lumpur ini supaya diperbaiki sistem longkangnya, kerana sistem longkang itulah yang saya rasa menyebabkan Kuala Lumpur ini selalu banjir—sedikit sahaja hujan, banjir di jalan dan menyusahkan kenderaan-kenderaan lalu-lalang.

Dalam masalah ini juga kita mengharapkan bahawa oleh kerana jalan-jalan di kiri kanannya ada rumah dan sekolah terutama sekali Jalan Travers di mana terdapat ramai penduduk-penduduk yang duduk di Railway Quarters di situ yang susah

hendak menyeberang untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Ini juga patut difikirkan oleh Jabatan Kerja Raya supaya membuat jalan laluan bagi penduduk-penduduk di kawasan itu untuk melintas sama ada untuk mereka pergi bekerja ataupun pelajar-pelajar pergi ke sekolah.

Dan begitu juga di muka surat yang sama juga P.55, kod 02100—Memulih dan Menggantikan Jambatan/Lintasan Keretapi. Ini masalah yang timbul, kerana kita tahu empat lima tahun dulu ada beberapa banyak jiwa yang telah terkorban dilanggar oleh keretapi kerana kecuaiannya lalu-lintas keretapi ini.

Kita dapati banyak lagi nampaknya lalu-lintas di seluruh negara ini di antara jalan kenderaan dan keretapi belum dapat diperbaiki tetapi di Kuala Lumpur ini saya nampak dua kawasan yang sangat merbahaya dan sangat penting kepada penduduk-penduduk iaitu satu di Segambut. Di Segambut begitu ramai penduduknya. Di sana kadangkala keretapi begitu lama berhenti di kawasan itu, menghadang jalan, di samping berapa lama keretapi berhenti itulah pihak-pihak yang menunggu juga di kawasan itu terpaksa menunggu.

Apa yang saya khawatiri, jikalau ada sesuatu masalah timbul sama ada kecemasan yang berlaku, sama ada kebakaran ataupun orang sakit kuat, ambulan hendak membawanya ke hospital terganggu, tak boleh kerana keretapi telah pun mengempang jalan raya itu. Saya mengharapkan supaya diambil satu usaha supaya diatasi kerana kawasan situ adalah kawasan yang di dalamnya pun banyak kawasan-kawasan perumahan akan didirikan iaitu kawasan Hartamas dan banyak lagi projek-projek perumahan yang saya rasa semakin ramai lagi pengundi-pengundi di kawasan itu lebih rumit lagi masalahnya yang di masa yang akan datang. Oleh itu dalam masalah ini, saya mengharapkan pihak

Kementerian ini mencari jalan supaya mengadakan satu jambatan untuk menyeberang bagi keretapi iaitu antara Segambut itu menghala ke Putau Pinang (Utara), supaya diadakan jambatan lintas.

Saya rasa dalam masalah ini untuk mencari kewangan itu bolehlah dirundingkan dengan pihak pemaju perumahan. Saya rasa ada 10 pemaju perumahan yang ada di dalam kawasan itu supaya mereka itu dapat menyumbangkan sedikit kewangan kepada pihak Jabatan Kerja Raya untuk memperbaiki jalan itu untuk menyenangkan penduduk-penduduk ataupun pengundi-pengundi di kawasan itu.

Dan satu lagi itu di kawasan

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, masa Ahli Yang Berhormat sudah cukup. Boleh gulung, minta gulung.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Pengerusi, baiklah, terima kasih. Dengan keadaan ini, saya harap mereka dapat menyumbang sedikit kewangan. Begitu juga di Jalan Templer, Petaling Jaya, saya harap ia juga dapat diatasi dan dengan itu saya menyokong di atas peruntukan yang telah diberikan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Serian.

5.44ptg.

Tuan Lainus anak Andrew Luwak (Serian): Tuan Pengerusi, terima kasih kerana diberikan peluang untuk perbincangan dengan Anggaran Kementerian Kerja Raya, iaitu di bawah Maksud P.55, Kementerian Kerja Raya, Butiran 04000—Pembinaan Jalan Raya Besar di Sarawak.

Tuan Pengerusi, pembangunan jalan raya utama sangatlah penting bagi mengeratkan pembangunan sosio-ekonomi negeri Sarawak. Ura-ura

Kerajaan untuk mengambil-alih jalan raya utama di Sarawak sangatlah dialu-alukan, demi memperbaiki dan menaikkan taraf jalan utama yang ada pada hari ini di Sarawak. Jalan-jalan utama yang melingkari dari Lundu sehingga ke Lawas kebanyakan daripadanya adalah jalan yang dibina dari batu kuari dan tanah merah. Kalau ada pun yang diturap hanya beberapa kilometer sahaja.

Dalam tajuk 01, Jalan Besar Utama di muka surat 249, kita dapati peruntukan yang begitu besar iaitu \$65 juta bagi pembinaan jalan besar utama. Kita rasa pihak Kementerian harus juga mengambil perhatian ke atas pembinaan jalan yang menjadi penghubung antara Malaysia-Indonesia iaitu jalan raya di Pekan Serian ke Pekan Tebeduk. Jalan raya ini sememangnya telah begitu dikenali di Sarawak dan juga negara jiran, di Asia terutama apabila ianya digunakan bagi perlumbaan kereta Lasak ASEAN Rally pada awal tahun 1985.

Di samping itu juga ianya sebagai daya penggerak kepada pembangunan, perkembangan sosio-ekonomi bagi kawasan pergunungan di daerah sempadan Malaysia-Indonesia. Keadaan jalan begitu dhaif dan telah banyak mengorbankan nyawa iaitu di satu pergunungan yang begitu curam, sempit di selekoh maut yang dikenali dalam bahasa daerah, Bareng Ginong atau Segenting Ginong yang sentiasa membimbangkan para pengguna. Jalan raya ini dibina dahulu khas untuk operasi keselamatan di musim konfrantasi dahulu oleh tentera dan sehingga ke hari ini ianya tidak mendapat peruntukan khusus dari Kerajaan di mana ianya pada hari ini bukan hanya sebagai jalan keselamatan bahkan telah menjadi penyambung nyawa dan penghidupan bagi rakyat di kawasan daerah kecil Tebeduk.

Di musim tengkujuh jalan itu selalu terputus yang mengakibatkan kesukaran bagi pengendalian

pengangkutan barang keperluan ke kawasan sempadan, kadang kala kita merasa malu kerana jalan itu digunakan dengan keadaan jalan yang terdapat di sebelah Indonesia yang hanya beberapa kilometer jauh dari pekan Tebeduk.

Dengan keadaan sedemikian sahaja saya memohon supaya jalan ke Pekan Tebeduk dinaikkan taraf dan diiktiraf sebagai jalan besar utama setimpal dengan peranannya sebagai daya penghubung antarabangsa dan juga bagi kepentingan pembangunan bandar kecil Tebeduk sebagai bandar persinggahan di antara Malaysia-Indonesia. Dengan adanya taraf itu dinaikkan, maka sudah tentu usaha untuk membinanya harus juga dipercepatkan selaras dengan keperluan yang begitu mendadak.

Tuan Pengerusi, dalam Butiran 04300, Jalan-jalan Pembangunan. Berhubung dengan jalan-jalan ini, saya memohon kepada pihak Kementerian Kerja Raya sama ada di peringkat Pusat mahupun di peringkat Negeri, supaya dapat benar-benar memahami keperluan pembinaan jalan raya yang sempurna bagi mengeratkan lagi momentum pembangunan setiap-tiap kawasan luar bandar.

Bagi masyarakat daerah Bidayuh di Daerah Kecil Tebekang dan Jalan Tebekang, Mura, Mungkos adalah satu-satunya nadi penggerak ke atas kehidupan sosio-ekonomi masyarakat kawasan ini. Dalam anggaran yang begitu besar untuk program ini iaitu \$10.02 juta, saya memohon supaya Jalan Tebekang, Mura, Mungkos diperbaiki serta diturap demi untuk keselesaan para penduduk tempatan.

Saya rasa sudah tiba masanya pembinaan semula dan pembaikan jalan ini dipercepatkan memandangkan ada kegiatan ekonomi dan pembangunan tanah yang telah tngeluarkan hasil lahir di kawasan ini

ialah Ladang Teh Mayang yang memulakan pengangkutan yang lebih sempurna dan lancar.

Di bawah Program jalan pembangunan Sarawak ini, saya memohon mencadangkan supaya peruntukan di bawah program ini juga dapat dipanjangkan untuk membina jalan dari Terbate, Mapuk, Dahak, Pengkalan Amoi, Tebeduk bagi menyambungkan jalan yang telah terbengkalai dari Tebat ke Mapuk di bawah Rancangan Pembangunan yang telah lalu. Jalan itu sangatlah bermakna kepada kurang lebih 10,000 penduduk yang tinggal di tembah dan kawasan bukit bukau, kawasan Pengkalan Amoi yang hanya dapat dihubungi dengan berjalan kaki selama empat-enam jam dan kalau menaiki perahu kurang lebih satu-setengah hari mengharungi jeram yang agak merbahaya.

Dewasa ini kawasan ini begitu mundur kerana tidak ada daya bagi mengeluarkan hasil pertanian dan begitu juga hendak membeli kemudahan pertanian seperti baja dan racun serangga. Kalaupun ada harganya begitu tinggi malahan kos pengangkutan begitu mahal.

Sekali lagi kita menekankan supaya pembinaan jalan ini harus diambil perhatian yang serius dari kedua-dua pihak Kementerian Pusat dan Negeri, demi untuk meninggikan tahap ekonomi rakyat di kawasan itu.

Kita juga meminta kepada Kerajaan Pusat sentiasa membuat penyeliaan dari semasa ke semasa kegiatan Kementerian Pembangunan Infrastruktur Negeri supaya tidak ada penyelewengan dan salahguna kuasa ke atas peruntukan pembangunan di dalam daerah Serian di mana terdapat dua batang jalan terbengkalai iaitu Jalan Terbat, Mapuk dan Jalan raya Mengukupi. Dua buah mini stadium iaitu mini stadium Pekan Serian dan

mini stadium Kampong Pai juga terbengkalai, kononnya tidak cukup peruntukan.

Kalaulah begitu keadaan membuat sesuatu projek tanpa perancangan yang teliti, sudah tentu membazir wang Kerajaan dan menghampakan harapan rakyat sahaja.

Sebuah lagi jalan raya controversial yang dibina di hadapan Pejabat Daerah Serian yang menelan belanja lebih kurang \$1.5 juta yang kononnya menghubungkan bulatan kecil yang telah mempunyai 5 persimpangan merbahaya kepada jalan utama Kuching—Seri Aman dengan jalan Serian—Tebeduk yang kononnya jalan antarabangsa tarafnya kini oleh Kementerian Kemajuan Infrastruktur Negeri, dengan alasan untuk mengelakkan traffic jam. Saya sungguh hairan bila traffic jam sedangkan kereta pun tidak banyak berapa biji sahaja. Jalan ini terlalu mahal untuk dibina di mana ianya tidak mendatangkan hasil kepada rakyat. Kawasan yang dilalui jalan ini adalah kawasan paya yang sentiasa dinaiki banjir sedalam 20 kaki. Jalan ini sebagaimana saya difahamkan, hanya bagi perhubungan kepada tuan-tuan punya yanah yang kebetulannya kerabat orang kenamaan tempatan dan Menteri-menteri Negeri. Bukan-ka h

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup. Bolehkah gulung?

Tuan Lainus anak Andrew Luwak: Sedikit lagi.

Tuan Pengerusi: Minta gulung, jangan kata sedikit lagi!

Tuan Lainus anak Andrew Luwak: Bersabit dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Rajang tadi, di sini saya hendak memberi keterangan juga. Saya hendak merujuk kepada Lampiran L, muka surat 308, Mengatur Semula Butir-butir (Projek)

dalam Anggaran Pembangunan Butiran 43, Jalan-jalan Pembangunan.

Kita rasa pihak berkuasa JKR Negeri atau lebih tepat Kementerian Pembangunan Infrastruktur Negeri membuat anggaran tidak begitu tepat dan detail seperti anggaran yang di bentangkan oleh JKR Sabah. Anggaran Sarawak adalah terlalu umum yang mungkin disalahgunakan dan mungkin berlakunya penyelewengan, yang saya tidak berapa puas, di waktu pelaksanaan yang mungkin juga dikuasai oleh emosi pihak berkuasa ke atas implimentasinya. Dengan yang demikian, saya memohon kepada Kementerian Kerjaraya Pusat bila mana membuat anggaran tahunan harus menekankan pengkhususan ke atas setiap anggaran yang dihantar oleh setiap Negeri.

Sekian sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Betong.

5.54 *ptg.*

Tuan Douglas Uggah Embas (Betong): Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh Maksud P.55, Butiran 04000, mengenai Pembinaan Jalanraya-jalanraya Besar di Sarawak, muka surat 249.

Tuan Pengerusi, saya merayu kepada Kerajaan supaya bersimpati dengan rakyat Sarawak dengan mengkaji semula peruntukan ini dengan tujuan menambahkan peruntukan pada tahun 1987 kepada Butiran ini, khususnya butiran 04000-01, Jalan Besar Utama di Sarawak. Ini adatah perlu, memandangkan kemunduran jalan raya di seluruh Negeri Sarawak.

Tuan Pengerusi, rakyat Sarawak mengalu-alukan keputusan Kerajaan Persekutuan untuk mengambil alih jalan raya besar utama dan beberapa jalan-jalan lain di negeri itu. Dengan

pengambilan alih jalan raya itu, rakyat Sarawak penuh harapan bahawa ianya akan diikuti dengan pembangunan pesat yang akan tercatat sejarah baru kepada pembinaan jalan di seluruh Sarawak. Saya berharap Kementerian Kerjaraya dengan seberapa boleh memenuhi harapan rakyat Malaysia yang duduk di negeri Sarawak.

Tuan Pengerusi, masalah pembinan dan peningkatan taraf jalan raya telah, sedang dan sentiasa dikemukakan di Dewan yang mulia ini. Ini menunjukkan betapa penting isu jalan ini kepada rakyat dan kepada kami semua. Saya berharap Kerajaan memahami, menyedari dan menghargai harapan, inspirasi dan perasaan rakyat Malaysia yang duduk di negeri Sarawak, khasnya mengenai masalah pembangunan jalan raya.

Tuan Pengerusi, walaupun beberapa batang jalan raya akan diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan, tetapi pelaksanaan projek-projek itu masih dilaksanakan melalui Jabatan Kerjaraya negeri Sarawak. Maka dengan peluang ini saya hendak menyeru Kementerian Kerjaraya Persekutuan untuk mengkaji kemampuan, keupayaan dan prestasi Jabatan Kerjaraya Negeri Sarawak. Dengan cara ini kita boleh menentukan apa-apa kelemahan yang masih melanda Jabatan ini dan diperbaiki untuk meningkatkan keupayaan mereka membina, meningkat dan menyelenggarakan jalan-jalan termasuk jalan Persekutuan di negeri itu.

Tuan Pengerusi, satu contoh kelemahan JKR Sarawak ialah mereka sentiasa menghadapi masalah apabila mereka membina jalan di luar bandar, tetapi urusan baik, kecekapan dan kebolehan mereka terbukti apabila mereka membina jalan di bandar.

Tuan Pengerusi, misalnya di kawasan saya adalah satu batang jalan yang dinamakan "Jalan Ulu Layar"

yang panjangnya 25.75 kilometer dan telah mula dibina pada penghujung tahun 1976. Sekarang telah 10 tahun berlalu, pada tahun ini mereka hanya dapat menyiapkan kurang lebih 13 kilometer yang telah dapat dilalui oleh kereta. Beberapa jalan luar bandar lain menemui nasib yang sama. Tetapi peningkatan taraf jalan di antara Sarikei—Binatang berjalan dengan begitu lancar, begitu juga penurunan jalan-jalan di sekitar Sibu, di sekitar kawasan Kuching dan Miri, dan begitu juga jalan raya di antara Kuching dengan Serian telah pun diturap beberapa kali untuk meningkatkan taraf jalan raya itu.

Soalan yang selalu dikemukakan oleh rakyat luar bandar ialah apakah kita dapat menurap jalan di bandar beberapa kali, berlapis-lapis, manakala jalan utama yang melintasi kawasan luar bandar di biar begitu sahaja. Ini adalah satu perkembangan yang menyedihkan, khususnya kepada rakyat luar bandar. Apakah sebab Jabatan Kerjaraya di luar bandar di Sarawak tidak secepat mereka yang bertugas di bandar.

Tuan Pengerusi, sekiranya keadaan ini tidak diperbaiki, rakyat luar bandar akan terus ketinggalan, maka ia akan mewujudkan satu perasaan tidak puas hati. Adalah tanggungjawab Kerajaan membela nasib mereka itu selaras dengan cogan kata kata "Tradisi Membela Rakyat". Bagi kami rakyat luar bandar, kami akan terus menuntut hak kami.

Tuan Pengerusi, mengenai pembinaan jalan Persekutuan di Sarawak, saya merayu supaya pembinaan dan peningkatan taraf jalan raya itu dikontrekkan kepada pihak swasta. Ini penting dan perlu memandangkan kepada kelemahan Jabatan Kerjaraya yang mungkin tidak berupaya melaksanakan apa-apa projek itu mengikut jadual dan dengan lancar.

Tuan Pengerusi, untuk mempercepatkan peningkatan taraf jalan raya, saya mencadangkan supaya Kerajaan mengkaji kemungkinan menswastakan sebahagian dari jalan raya utama di negeri Sarawak. Tuan Pengerusi, saya ingin tahu dari Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri, apakah bahagian jalan besar utama di Sarawak yang telah ditender baru-baru ini yang hendak diturap.

Tuan Pengerusi, saya menyeru supaya Kementerian memberi keutamaan kepada peningkatan taraf jalan besar utama di antara Simpang Batu Lintang ke Sarikei dan projek jalan-jalan besar yang lain. Inilah bahagian jalan yang sentiasa terputus semasa musim tengkujuh. Kedua, beberapa projek pembangunan tanah telah dan akan dilaksanakan di antara tempat-tempat ini, maka ini memerlukan jalan yang lebih bagus dari sekarang,

Tuan Pengerusi, sekarang saya hendak menyentuh Butiran 10500, Penyiasatan Punca-punca Air Bawah dan Permukaan Tanah, muka surat 251. Saya berharap kegiatan ini akan terus dijalankan untuk membantu mencari punca air untuk membekal air kepada penduduk di luar bandar. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Menteri sejauh manakah kejayaan telah dicapai dalam penyiasatan punca-punca air bawah dan permukaan tanah. Kedua, apakah tujuan penyiasatan ini hanya mencari punca bekalan air ataupun ada tujuan-tujuan yang lain.

Tuan Pengerusi, sekarang saya hendak menyentuh Butiran 11500, muka surat 251 mengenai Bekalan Air Luar Bandar—Rancangan Khas. Saya berterima kasih kepada Kerajaan yang telah memperuntukkan \$225 juta kepada Butiran 11500 Bekalan Air Luar Bandar—Rancangan Khas. Ini adalah satu langkah yang wajar untuk mengatasi masalah bekalan air di luar bandar. Masalah bekalan air telah

dirasai rakyat di luar bandar selama ini masa musim kemarau mereka terpaksa menggunakan air yang tidak bersih, yang tidak sesuai untuk minuman manusia. Keadaan ini mengancam kesihatan. Apakah musim kemarau berlarutan, Kerajaan terpaksa menghantar air ke kampung-kampung tersebut, ini menyulitkan kehidupan rakyat luar bandar.

Tuan Pengerusi, kekurangan atau tidak ada wujud bekalan air ke rumah-rumah, maka kemudahan kesihatan lain pun tidak dapat dinikmati oleh rakyat luar bandar. Ini akan menjadi satu punca yang merbahaya. Adalah wajar dan tepat bagi Kerajaan untuk berusaha melaksanakan projek bekalan air ini secara besar-besaran untuk menentukan bahawa rakyat di luar bandar dapat menikmati kemudahan bekalan air yang moden selaras dengan apa yang telah dan selama ini dinikmati oleh rakyat di bandar.

Mengenai projek ini saya mencadangkan, yang pertama, untuk menggunakan sistem "gravity water supply", dengan izin, harus digunakan membekal air. Cara ini akan mengurangkan ongkos modal, khususnya di pedalaman di negeri Sarawak di mana banyak sungai-sungai dapat disekat dan air mengalir tanpa kuasa jentera. Ongkos penyelenggaraan juga pun kurang. Ini menentukan penggunaan-pengguna membayar hanya minima, jika ada.

Kedua, sistem diguna haruslah sistem yang dapat membekal air yang bersih sepanjang masa. Di beberapa tempat tidak berapa perlulah air itu dicampur ubat ataupun "treated water supply", dengan izin. Ongkos membekal air harus dikurangkan supaya ia tidak membebankan rakyat miskin di luar bandar. Sekiranya perlu penggunaan pembayaran kos apa-apa yang saya minta bayaran itu dibuat dengan secara ansuran atau di mana

kawasan yang terlampau miskin, bayaran harus dikecualikan. Ini penting diambil kira kerana kebanyakan rakyat luar bandar miskin,

Yang keempat

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup. Minta gulungan.

Tuan Douglas Uggah Embas: Seminit lagi.

Tuan Pengerusi: Minta gulung.

Tuan Douglas Uggah Embas: 30 saat lagi.

Yang keempat, dalam apa-apa peluang kontrak dalam menjalankan projek ini, keutamaan mesti diberi kepada kontraktor bumiputera tempatan. Tenaga kerja dan sebolehnya bahan tempatan mestilah digunakan semasa menjalankan projek ini.

Dengan itu, saya berterima kasih kepada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kepong.

6.04 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, muka surat 248 Jalan Raya dan Jambatan, Butiran 02800 dan 00700. Masalah Jalan Kuching, Jalan Ipoh dan Jalan Kepong.

Tuan Pengerusi, sejak tahun yang lepas satu persimpangan bertingkat telah atau sedang dibina di Jalan Kuching, Jalan Ipoh dan Jalan Kepong dan ini adalah satu langkah ke arah yang betul kerana ini boleh meluaskan jalan di situ dan menyelesaikan sebahagian daripada masalah kesesakan lalulintas di Bulatan Jalan Kepong/Jalan Kuching.

Tuan Pengerusi, walaupun langkah dan rancangan ini adalah ke arah yang betul, akan tetapi saya masih berpendapat bahawa mengadakan satu

plaza tol di Jalan Kuching adalah tidak tepat. Sekurang-kurangnya plaza tol ini hendaklah diadakan di luar Wilayah Persekutuan ataupun di pinggir kota kerana di dalam kota ini saya tidak nampak bagaimana kesesakan ini dapat diselesaikan. Konsep ini adalah tidak baik. Konsep mengadakan plaza tol di dalam kota, terutamanya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan saya membantahlah dengan sekeras-kerasnya di sini sekali lagi.

Tuan Pengerusi, dengan adanya plaza tol ini dan jalan-jalan di sekitarnya diperluaskan, maka penduduk-penduduk di sekitarnya, terutamanya di tepi Jalan Kuching menghadapi kesusahan kerana sebelum rancangan ini, mereka ada jalan keluar dan masuk ke Jalan Kuching dan sebagainya. Sekarang kebanyakan jatan dahpada kawasan penduduk-penduduk di sini sebelum ini masuk ke Jalan Kuching telah ditutup dan dengan itu mereka tidak ada jalan alternatif yang sempurna. Sebab itulah saya berharap pihak Kementerian dapat merancang dengan teliti dan lebih sempurna untuk mengaturkan jalan-jalan alternatif bagi penduduk-penduduk di sekitar Jalan Kuching.

Ada satu cadangan lagi, Tuan Pengerusi, iaitu jalan daripada Jalan Kuching ke Jalan Ipoh. Saya berharap pihak Kementerian dapat memperbaiki, memperelokkan jalan itu supaya orang-orang yang tidak mampu untuk membayar tol di Jalan Kuching dapat menggunakan Jalan Kepong dan Jalan Ipoh untuk ke pusat Kuala Lumpur dan sebaliknya. Saya berharap cadangan ini dapat dipertimbangkan oleh Kementerian.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Butiran 00900, Banci Jalan Lalu Lintas dan Penyiasatan Jalan. Adalah tepat dengan memperuntukkan wang untuk banci jalan lalu-lintas ini kerana sepanjang pengetahuan saya banci yang saya dapati talah 2, 3 tahun yang

lepas, iaitu pertambahan bilangan kenderaan di sekitar Wilayah Persekutuan dan bandar-bandar yang lain. Di Jalan Kuching dan Jalan Kepong saya mendapat tahu bahawa pada 3, 4 tahun yang lepas tiap-tiap tahun pertambahan kenderaan ialah di antara 100% tiap-tiap 4 tahun sehingga 120% tiap-tiap 4 tahun. Dengan adanya banci yang baru ini saya berharap pertambahan kenderaan ataupun pengguna-pengguna Lalulintas ini dapat diumumkan kepada orang ramai dan dengan adanya banci ini pihak Kementerian dapat mengadakan rancangan dengan lebih teratur untuk mempertingkatkan jalan-jalan dan jambatan-jambatan.

Tuan Pengerusi, setakat mengadakan banci dan menambahkan jalan raya ini tidak mencukupi kerana pada pendapat saya bilangan kenderaan yang bertambah tiap-tiap tahun adalah lebih daripada kemampuan Kerajaan dan Kementerian Kerjaraya untuk memperbaiki atau menambahkan jalan yang baru dan kerana inilah cara-cara yang lain hendaklah dicari, sama ada untuk menyekatkan bilangan kenderaan yang bertambah ataupun cara-cara yang lain yang saya tidak dapat tahu sekarang dan berharap Kementerian Kerjaraya dapat membuat cadangan-cadangan yang lebih sempurna untuk kita semua di Malaysia.

Tuan Pengerusi, muka surat 249, Butiran 02300, Lembaga Lebuhraya Malaysia. Dengan pinjaman \$290 juta yang terbesar di dalam perbekalan ini untuk Kementerian Kerjaraya, walaupun kita memerlukan lebih banyak lebuhraya di Malaysia dan lebuhraya dengan mutu yang tinggi, kita seharusnya memperingatkan bahawa dengan pinjaman yang begitu banyak, bolehkah Kementerian dapat balik wang ini.

Setahu saya dengan adanya Plaza-plaza Tol di lebuhraya-lebuhraya ini

tidak cukup untuk membayar balik faedah pinjaman ini dan saya berharap Kementerian Kerjaraya dapat memberitahu rakyat Malaysia bagaimana wang ini, pinjaman sebanyak ini dapat dibayar balik. Ini satu perkara yang penting untuk semuanya.

Tuan Pengerusi, banyak lagi masa?

Tuan Pengerusi: Ada seminit lagi.

Dr Tan Seng Giaw: Satu minit sahaja! Muka surat 250 mengenai Bekalan Air.

Tuan Pengerusi, Butiran 09100, Rancangan-rancangan Bekalan Air Negeri Selangor, nampaknya peruntukan yang terbesar di dalam peruntukan untuk Bekalan Air ini. Memang rancangan-rancangan untuk mengadakan ampangan air untuk menambahkan bekalan air di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan adalah ke arah yang betul dan saya diberitahu bahawa Ampangan Semenyih dapat menambahkan bekalan air kepada penduduk-penduduk di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan sehingga tahun 1990 dan juga selepas itu.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang saya kurang puas hati iaitu mengenai penswastakan bekalan air ini. Ada cadangan-cadangan dibuat oleh Kerajaan untuk menswastakan sebahagian bekalan air ini dapat diswastakan. Bentuk penswastakan tidak diumumkan sama ada ini secara pemindahan milik ataupun dengan mengurangkan sekatkan-sekatkan ataupun secara kontrak ataupun secara bawcer untuk menswastakan sebahagian daripada bekalan air ini. Memandangkan bekalan air adalah penting bagi penduduk-penduduk di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan, saya berharap pihak Kementerian dapat menerangkan bagaimana sebahagian bekalan air

dapat diswastakan tanpa menjejaskan kepentingan rakyat. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Sungai Petani.

6.16 ptg.

Tuan Abdul Manaf bin Haji Ahmad (Sungai Petani): Bismillahir-rahmannir-rahim. Tuan Pengerusi, Butiran 02100 dan Butiran 02800 dan juga Butiran 04100 sekali gus. Sementara itu

Tuan Pengerusi: Muka surat Yang Berhormat?

Tuan Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Muka surat 248 dan 249, Butiran 02100, Butiran 02800 dan Butiran 04100.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Sementara itu, saya menarik perhatian Yang Berhormat sekalian mengenai tujuan program Kementerian Kerjaraya Malaysia iaitu untuk merancang dan melaksanakan pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam, khususnya jalan, bekalan air, bangunan, lapangan terbang, pelabuhan dan pengkalan-pengkalan untuk memenuhi keperluan pembangunan sosial dan ekonomi negara terutamanya.

Ini suka saya hendak tekankan, di kawasan luar bandar selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru di samping menyelenggara, memperbaiki mutu dan meninggikan taraf infrastruktur dan kemudahan awam yang sedia ada. Jadi, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan penghargaan yang tinggi kepada Kementerian Kerjaraya yang telah mengambil perhatian berat mengenai kebajikan dan kemudahan awam di kawasan luar bandar.

Cuma saya rasa sedikit terkilan tentang pelaksanaannya, saya tidak tahu di tempat yang lain, cuma dari pengalaman saya di kawasan pilihanraya Sungai Petani terdapat pembinaan jalan raya di Mukim Sidam Kiri dibuat begitu lambat dan lembab sekali, sudah lama dibuat tetapi sehingga sekarang belum siap, iaitu dibuat berperingkat-peringkat. Setahun hanya dibuat 2 atau 3 kilometer, selepas itu tahun depan disambung lagi. Jadi, agaknya lembab benarlah perjalanan dan progres pembinaan jalan itu. Dengan ini, saya merayu dan meminta kepada Kementerian Kerjaraya dapat mengambil perhatian yang khusus mengenai jalan ini kerana penduduk-penduduk di Mukim Sidam Kiri adalah di antara mukim-mukim yang termundur di negeri Kedah. Sebelum sampai ke Mukim Sidam Kiri kita terpaksa merentasi estet-estet, barulah sampai ke mukim tersebut. Ianya jauh terpencil.

Jadi, sangatlah perlu kepada satu jalan raya yang menghubungkan penduduk-penduduk di situ dengan kawasan luar.

Jalan ini adalah satu jalan yang sangat mustahak dan penting. Ianya menghubungkan di antara Mukim Sidam Kiri dengan Mukim Pinang Tunggal. Jalan yang sedia ada sekarang ini jalan tanah merah tetapi sedang dipasang dengan tar seperti yang saya sebutkan tadi iaitu 3 kilometer atau 4 kilometer dalam masa setahun, tetapi jalan tanah merah itu telah ada.

Satu perkara yang saya ingin sebut di sini iaitu sepatutnya ada jambatan yang melintasi jalan keretapi, jambatan itu tidak dibuat sehingga sekarang walaupun jalan tanah merah itu sudah ada hampir 10 tahun dan kemalangan kerap kali berlaku di tempat tersebut. Tempatnya ialah berhampiran dengan jambatan keretapi di Pinang Tunggal. Jadi saya harap pihak Kementerian Kerjaraya dapat mengambil perhatian

khusus mengenai perkara ini kerana untuk membuat jambatan melintasi jalan keretapi itu, saya kira tidak mengambil kos yang tinggi kerana jalan keretapi yang dibuat masa zaman British dahulu ianya menebuk bukit yang luasnya kira-kira 5 meter atau 6 meter, jadi apabila dipasang jambatan di atas bukit itu sudah mencukupi tetapi nampaknya yang itu juga tidak dilakukan.

Saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Kerjaraya supaya mendirikan tandas-tandas di sepanjang jalan dari Perlis ke Johor Bahru. Begitu juga dari Kota Bharu atau dari Timur ke Barat mengikut keadaan-keadaan dan tempat-tempat yang sesuai, umpamanya di Plaza Tol. Di mana ada Plaza Tol sekurang-kurangnya pada masa ini dibina satu tandas awam kerana tandas ini sangat mustahak, kepada sesiapa pun mustahak; kepada Pak Menteri, rakyat jelata dan kepada semua orang bahawa tandas ini mustahak kerana dalam perjalanan kita belum tentu, kadang-kadang berselerak di sana, berselerak di sini, kadang-kadang terpaksa berhenti di tengah-tengah hutan, berkejar turun ke bawah, entah bila kita turun ke bawah sudah ada orang dekat situ, lari ke tempat lain pula. Jadi ini perkara-perkara yang sangat mustahak yang perlu kita mengambil perhatian. Saya rasa patutlah dibina tandas-tandas awam ini. Saya rasa kalau tandas-tandas itu dibina dan diswastakan, boleh dan memang mampu orang bayar. Saya fikir kalau dikenakan bayaran 10 sen, 20 sen, orang sanggup bayar atau kalau 50 sen pun mungkin ada yang sanggup bayar.

Satu perkara yang saya suka sebut di sini iaitu kadang-kadang di tengah-tengah tempat itu kita juga tidak kenal kawasan-kawasan berkenaan dan memerlukan kepada papan tanda-papan tanda yang menunjukkan arah tempat mana yang kita hendak pergi.

Tetapi kadang-kadang papan tanda itu diselindungi oleh pokok-pokok; pokok-pokok besar, mula-mula pokok itu ditanam kecil sahaja tetapi apabila sudah lama kelamaan, setahun dua tahun, pokok itu besar dan metindungi tanda-tanda jalan tadi. Saya fikir sungguhpun perkara ini perkara kecil tetapi ianya mengganggu orang ramai atau ianya tidak dapat kita mengambil faedah daripada tanda-tanda jalan yang kita buat itu. Kalau dekat dengan bandar kita terdapat pokok-pokok begitu besar, pokok-pokok yang dihias di atas jalan itu tinggi dan kadang-kadang mengganggu pemandu-pemandu kereta dan kebanyakannya berlaku kemalangan-kemalangan di tempat tersebut.

Saya rasa cukup setakat itu dan terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kuantan.

6.26 ptg.

Tuan Adam bin Abdul Kadir (Kuantan): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana diberi peluang. Saya ingin merujuk kepada muka surat 247, Maksud B.55, Butiran 020000, Aktiviti—Jalan dan Jambatan; dan muka surat 249, Maksud P.55, Butiran 02300 iaitu Lembaga Lebuhraya Mataysia. Saya mohon izin untuk memperkatakan dua Butiran ini sekali gus.

Tuan Pengerusi, saya rasa telah banyak diperkatakan tentang jalan dan juga jalan raya tetapi pada hakikatnya kerana adanya dua istilah "jalan" dan "jalan raya" ini, saya sebenarnya ingin mendapat kepastian tentang perbezaan antara dua perkara ini, iaitu jalan dan jalan raya. Saya rasa tentu sekali JKR mempunyai definisi tertentu apa dia "jalan" dan apa dia "jalan raya" dan bagi diri saya, saya rasa tentu sekali jalan itu harus dikenali dengan ciri-cirinya ataupun, dengan izin, it is to be

identified by its characteristics, kerana apa yang kita dapati sekarang kita seolah-olah tidak ada perbezaan antara "jalan" dan "jalan raya" dan tiadanya perbezaan itu terbayang di dalam muka surat-muka surat peruntukan Kementerian Kerjaraya ini dengan adanya kebanyakannya ditulis Butiran-butiran itu dengan menggunakan jalan-jalan raya dan bukan lebuhraya-lebuhraya.

Tuan Pengerusi, kalau boleh saya wajarkan sedikit iaitu apa yang saya dapati apa yang dikatakan lebuhraya-lebuhraya itu sebenarnya idak berbeza dengan jalan-jalan raya tradisi yang telah kita kenali berpuluh-puluh tahun. Lebuhraya-lebuhraya terutamanya Lebuhraya yang terkenal seperti Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak umpamanya, masih lagi tidak mempunyai ciri-ciri yang boleh dibandingkan dengan ciri-ciri yang paling minimum di Jerman Barat ataupun di Amerika ataupun di England umpamanya. Masih lagi kita dapati ianya berkurangan daripada segi kemudahan, daripada segi halanya, "line"nya, dengan izin, iaitu masih lagi kebanyakannya terdiri daripada satu "line" sahaja, "line" sebelah kiri dan "line" sebelah kanan. Jadi kalau kita boleh mendapat kepastian lebih awal sebelum kita merancang ataupun sebelum kita melaksanakan tentu sekali perancangan dan pelaksanaan itu akan mencerminkan satu pemikiran yang jelas tentang apa yang hendak kita buat tentang jalan raya kita ataupun lebuhraya kita.

Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap tentang jalan raya dan lebuhraya ini daripada segi konsepnya juga. Saya rasa daripada asasnya, daripada awalnya jalan-jalan ini dibuat ialah untuk maksud pengangkutan untuk membawa satu-satu benda daripada satu tempat ke satu tempat, bukan sahaja daripada segi efficiency, daripada segi kemudahannya tetapi

juga daripada segi "speed" nya, daripada segi kelajuannya. Oleh itu, apabila jalan raya ataupun lebuhraya yang kita buat itu mengandungi perkara-perkara yang boleh mencatatkan pengangkutan itu, tentu sekali ianya harus diberikan perhatian yang serius kerana kalau ianya sentiasa terganggu, kalau dahulunya kita berjalan daripada satu tempat ataupun membawa kenderaan daripada satu tempat ke satu tempat itu mengambil masa 3 jam umpamanya dan dengan adanya jalan-jalan baru ataupun lebuhraya-lebuhraya baru, ianya masih lagi dengan kelambatan seperti lama ataupun lebih lambat lagi, jadi "the original purpose is defeated", dengan izin.

Jadi, saya rasa dalam kita memperkatakan tentang jalan raya baik di Sabah, di Sarawak ataupun di Semenanjung Mataysia, perkara-perkara asas ini saya rasa kita jangan perkecilkan, jangan kita ketepikan sahaja kerana sepertimana yang saya katakan tadi, lebuhraya dan jalan raya ini harus dikenali dengan ciri-cirinya. Jangan kita menyebut lebuhraya-lebuhraya sedangkan sebenarnya ia bukan lebuhraya kerana saya faham lebuhraya itu kalau dalam bahasa Inggeris dipanggil "highway" ataupun "expressway" ataupun "motorway", umpamanya, dan bukanlah "country roads" ataupun jalan-jalan tradisi yang selalu kita fahami selama ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Pengerusi, ada sedikit sahaja lagi.

Tuan Pengerusi: Tidak boleh.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: 30 saat lagi. Jadi sebenarnya, Tuan Pengerusi, saya keberatan untuk kadang-kadang menyokong Ahli-ahli Yang Berhormat kita di sebelah sini tetapi apabila beliau memperkatakan tentang Butiran 03000 iaitu Bekalan Air di Maksud B.55, saya

rasa sungguhpun saya berat hati, saya bersetuju juga kerana saya mengalami keadaan sepertimana yang diperkatakan oleh Wakil kita dari Petaling Jaya tadi kerana pengalaman peribadi ini mungkin mencerminkan keadaan yang lebih luas di seluruh negara. Jadi saya rasa dengan itu, saya berhenti ataupun saya sambung lagi. Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Tadi kata 30 seconds!

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Pengerusi, mengenangkan malam ini

malam esok, jadi saya mengucapkan sebanyak terima kasih.

Tuan Pengerusi: Majlis bersidang semula. Saya ingat boleh kita dapat jawapan berkenaan dngan perbezaan "lebuhraya", "jalan raya", apa "raya", esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Bcrhormat, Mesyuarat ditangguhkan hingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.